

**MASALAH KEASINGAN DALAM MASYARAKAT:
SUATU REVIU INTEGRATIF DALAM DIMENSI POLITIK, EKONOMI, SOSIAL,
PENDIDIKAN, PSIKOLOGI DAN SPIRITUALITI**

*(The Issue of Alienation in Society: An Integrative Review in Political, Economic, Social,
Educational, Psychological, and Spiritual Dimensions)*

Isa Kamari* & Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid**

Abstrak

Masalah keasingan ialah fenomena masyarakat yang mengakibatkan kehidupan manusia renggang daripada fitrah Allah. Menerusi reviu integratif, makalah ini berusaha mencungkil, menapis, menghablur dan memurnikan beberapa prinsip masalah keasingan yang beroperasi dalam dimensi politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritualiti masyarakat secara teori, dan khususnya secara kontekstual seperti yang terjadi ke atas masyarakat Melayu Singapura sejak 1965 hingga lewat tahun-tahun 1990-an. Kefahaman mengenai masalah keasingan ini ialah langkah awal bagi mengatasinya dengan mengembalikan fitrah Allah ke dalam kehidupan masyarakat.

Kata Kunci: Masalah Melayu, Masalah Keasingan, Sosio-Budaya Masyarakat Melayu Singapura, Fitrah Allah, Shibghah Allah.

Abstract

The issue of alienation is a societal phenomenon that results in human life drifting away from the natural disposition set by Allah. Through an integrative review, this paper aims to unearth, filter, analyze, and refine several principles of the issue of alienation operating within the dimensions of politics, economics, social structures, education, psychology, and the spirituality of society in theory, particularly within the contextual framework experienced by the Malay community in Singapore from 1965 to the late 1990s. Understanding the issue of alienation is the initial step toward addressing it by reinstating Allah's natural disposition into the fabric of society's life.

Keywords: Malay Issue, Alienation Problem, Socio-Cultural Aspects of the Malay Singaporean Society, Natural Disposition of Allah, Likeness to Allah.

*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di lautan
dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia;
(timbul yang demikian) kerana Allah hendak mereka merasakan sebahagian daripada
balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali
(insaf dan bertaubat)*

* Isa Kamari, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, iik190010@siswa.um.edu.my

** Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, email: faisal@um.edu.my

Al-Quran, Ar Ruum: 41.

Makalah ini membincangkan perihal masalah keasingan yang melanda masyarakat sejak zaman perindustrian di Eropah. Secara khusus ia juga mencakup masalah keasingan yang dialami masyarakat Melayu Singapura sejak perpisahan dengan Malaya pada 1965. Perbincangan ditumpukan kepada tiga perkara iaitu: a) kesan penindasan akibat penjajahan, b) sistem kapitalis Barat, dan c) pandangan dunia sekular, di samping punca-punca lain, yang menimbulkan masalah keasingan ke atas masyarakat pada dimensi politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritualiti. Sorotan yang bersifat reviu integratif ini berfungsi untuk mencungkil, menapis, memurnikan dan menghablur beberapa prinsip operasi yang terkandung dalam masalah keasingan.

Menyentuh perihal masalah keasingan, terdapat sepotong hadith yang mengapungkannya: *Islam datang dalam keadaan asing, akan kembali pula dalam keadaan asing. Sungguh beruntunglah orang-orang yang asing. (HR Muslim no. 145)* Menurut Al Qadhi Iyadh, “*Makna hadith tersebut seperti disebut oleh Imam Nawawi adalah: Islam dimulai segelintir orang daripada sedikitnya manusia, lalu Islam tersebar dan menyerlahkan kebesarannya. Kemudian keadaannya akan surut, hingga Islam berada terasing kembali, iaitu berada pada segelintir manusia pula sebagaimana permulaannya*” (Syarih Sahih Muslim, 2:143).

Menurut As-Sindi dalam hasyiyahnya terhadap kitab Sunan Ibn Majah, “*Disebut gharib jika pengikutnya sedikit dan maksud asal daripada kata gharib adalah jauh dari negeri. Kembali dalam keadaan asing kerana sedikitnya mahu menjalankan dan saling menyokong dalam melaksanakan syariat Islam padahal umatnya banyak. Maka beruntunglah orang-orang yang asing iaitu yang mengamalkan ajaran tersebut*”. Dengan kata lain golongan segelintir ialah kelompok yang taat menghayati ajaran Islam.

Maka perlu dijelaskan bahawa masalah keasingan yang disorot dalam makalah ini bukan yang dikaitkan dengan golongan *gharib* dalam hadith tersebut. Malah seperti yang disebut di atas, golongan *gharib* ialah mereka yang menghayati ajaran agama fitrah, iaitu Islam.

Pengertian masalah keasingan yang dimaksudkan dalam makalah ini lebih mirip kepada maksud dan cakupan hadith: *Akan datang suatu zaman pada manusia, si mana pada waktu itu tidak tinggal Islam kecuali namanya sahaja, dan tidak tinggal al-Quran melainkan tulisannya sahaja, masjid-masjid dibangun megah namun kosong daripada petunjuk, dan ulama mereka adalah makhluk yang terjelek yang berada di kolong langit, dari mulut-mulut mereka keluar fitnah dan (sungguh fitnah) itu akan kembali kepada mereka (HR Al-Baihaqi).*

Dengan kata lain, maksud hadith tersebut adalah: manusia semakin terasing daripada pengertian Islam yang sebenar kerana tidak dihayati serta diamalkan sebagai cara hidup yang menyeluruh dan tinggal hanya sebagai nama. Manusia semakin terasing daripada ajaran dan pesanan yang terkandung dalam al-Quran kerana yang tinggal hanya catatan di atas kertas. Manusia bangga dengan rekabentuk dan hiasan di dalam masjid yang gah tetapi terasing daripada roh pengabdian kepada Allah SWT dan cahaya iman. Manusia semakin terasing daripada hidayah dan ilmu yang benar kerana para ulama yang berperanan sebagai pewaris Nabi menyebarkan fitnah pula. Malah mereka menjadi golongan yang jelek yang terasing daripada adab pewaris Nabi. Rumusannya, manusia mengalami masalah keasingan yang menjauhkan dirinya dan masyarakatnya daripada penghayatan Islam sebagai agama fitrah yang syumul.

Definisi Masalah Keasingan

Dalam konteks kehidupan masakini, mungkin timbul pertanyaan: apakah yang dimaksudkan dengan masalah keasingan serta kesannya pada masyarakat? Adakah masalah keasingan mempengaruhi semua dimensi kehidupan atau tertumpu pada sebahagiannya sahaja? Berikut ialah penjelasannya:

Menurut kamus Merriam-Webster, keasingan dapat ditakrif sebagai penyisihan atau pemisahan seseorang atau kecenderungannya daripada suatu objek atau kedudukan yang menjadi sebahagian daripada keterikatannya sebelum itu. Ciri umum dan lumrah pada masalah keasingan adalah:

- a) Berasa tidak berdaya – berasakan bahawa sesuatu tindakan tiada kesan pada hasilnya, atau berasa tiada kawalan pada hidup.
- b) Penyisihan diri – berasa sepi atau tersisih seperti yang dirasakan golongan minoriti.
- c) Kehilangan makna – tidak dapat meraih makna dalam tindakan, hubungan dan perihal hal-hal di dunia, atau berasakan hidup tiada matlamat atau tujuannya.
- d) Kehilangan norma-norma – berasa terpisah daripada kebiasaan, adat resam masyarakat, atau terlibat dengan ajaran sesat atau songsang.
- e) Keterpinggiran budaya – berasa terputus daripada nilai-nilai kehidupan yang stabil atau mantap.
- f) Keterpinggiran diri – berasa tidak mengenal diri sendiri dalam pelbagai hal, terutama tidak berupaya membentuk jati diri

Jelasnya, masalah keasingan melibatkan penyisihan dan keterpinggiran seseorang daripada diri sendiri, lingkungan, keluarga, masyarakat, institusi serta ranah budaya (politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritual) yang bernaung pada sesuatu masa dan tempat. Pada tahap ini, harus dimengerti bahawa walaupun penerangan di bawah adalah menurut dimensi kehidupan masing-masing, pada hakikatnya rangkaian dimensi tersebut adalah berkaitan, maka penerangan mengenai ciri-ciri masalah keasingan dalam satu dimensi saling berkait dengan dimensi lain. Begitu juga dengan punca masalah keasingan yang merentas dimensi. Berikut ialah reviu integratif mengenai masalah keasingan dalam enam dimensi kehidupan. Sebenarnya, perbincangan mengenainya pada setiap dimensi adalah luas, mendalam dan rinci. Namun sesuai dengan objektif makalah ini, cakupan perbincangan di bawah adalah sekadar memberi contoh yang sesuai dan cukup untuk mencungkil, menapis, memurnikan dan menghablur rangkaian prinsip operasi mengenainya.

Masalah Keasingan Dalam Dimensi Politik

Dalam dimensi politik, masalah keasingan merujuk pada keterpinggiran menyeluruh atau penolakan padu warga awam terhadap sistem politik yang berwenang. Warga yang berasa terpinggir berasakan bahawa mereka tidak signifikan dalam sistem politik tersebut. Mereka berasakan diri mereka kurang atau tidak diwakili pihak yang berkuasa, dan kepentingan serta kepedulian mereka sering diabaikan. Gambaran pada keadaan berikut terserlah dalam kehidupan seseorang yang berasa terasing dalam dimensi politik:

- a) Ketidakupayaan politik: perasaan atau tanggapan seseorang bahawa mereka tidak mempengaruhi segala tindak laku pemerintah.
- b) Ketiadaan makna politik: tanggapan seseorang bahawa keputusan yang diambil dalam politik adalah kabur dan tidak terjangkau.

- c) Ketiadaan norma politik: tanggapan seseorang bahawa norma serta peraturan yang berfungsi untuk mengawal hubungan politik telah runtuh dan pengabaian terhadapnya menjadi lumrah.
- d) Keterpinggiran politik: penolakan seseorang terhadap norma-norma serta matlamat politik yang dipegang dan dikongsi bersama oleh warga lain dalam masyarakat.
- e) Kekecewaan politik: ketidakpedulian seseorang terhadap keputusan-keputusan politik yang telah diambil disebabkan kelakuan buruk golongan yang memerintah, seperti terjadinya skandal dan peristiwa yang mengaibkan.

Jelasnya, seseorang yang mengalami masalah keasingan dalam dimensi politik mengalami sebahagian atau kesemua ciri yang tersebut di atas. Pada masa yang relatif aman, fenomena ini tidak terserlah sebagai tindakan politik yang aktif seperti bertanding dalam pilihanraya, kritik membina, tunjuk perasaan dan mogok aman atau boikot terancang. Dalam tindakan sedemikian, masih wujud kepedulian yang menggerakkan keterlibatan secara sedar, langsung, aktif dan demokratik. Sebaliknya, masalah keasingan dalam dimensi politik pada mulanya sering bergerak secara pasif dan senyap dengan sikap acuh tidak acuh atau tidak peduli terhadap proses dan aparat politik, kerana ramai yang berasakan bahawa kedua-duanya adalah terlalu besar untuk mereka lawan, apatah lagi atasi dan merubah. Sering juga masalah keasingan ini muncul sebagai reaksi sinis terhadap sikap dan tindakan ahli politik yang mementingkan diri sendiri atau terikat pada pendirian kepartian yang sempit sahaja: *“Saya berasa terganggu terhadap nada politik pada tahun-tahun kebelakangan ini. Kita melihat kelunturan rasa hormat, dan sikap berpihak melulu, serta peningkatan mendadak dalam permusuhan di antara pihak yang berlainan pandangan. Saya fikir kesemua ini telah menyebabkan keasingan di kalangan orang awam terhadap pentadbiran yang menjejaskan penglibatan secara demokratik”* (Kyrsten Sinema, Senator Arizona, Amerika Syarikat, 2013-2019, terj. saya).

Namun begitu, sikap tidak peduli warga awam sering menyebabkan mereka yang berkuasa dalam politik lebih culas dan berani menggubal dasar yang menindas, mencengkam dan membebankan rakyat. Dengan kata lain, untuk menangani dan mengatasinya, masalah keasingan ini perlu penglibatan melalui proses demokratik dan tindakan sivil yang bersesuaian dan setimpal: *“Hanya dengan membuat keputusan untuk tidak terlibat dalam politik, kamu telah membuat keputusan yang membenarkan orang lain mencorak politik dan berkuasa ke atasmu. Dan jika kamu terasing daripada sistem politik yang bernaung pada sesuatu masa, maka hanya dengan tidak mahu campur tangan, dan jika kamu tidak mahu melakukan sesuatu untuk merubahnya, kamu telah memperkasakannya”* (Joan Kirner, Premier Victoria, Australia, 1990-1992, terj. saya).

Maksudnya, jika proses demokratik yang mendukung hak bersuara dan memilih tidak diambil berat dan diikuti, atau jika ia dituruti tetapi tidak menerima respon yang sewajarnya melalui proses dan aparat politik berkenaan, reaksi secara lahiriah yang melulu dan agresif mungkin terjadi jika kesan daripadanya meninggalkan impak yang negatif ke atas masyarakat. Lebih-lebih lagi jika hak dan kebebasan warga terjejas, penindasan dan diskriminasi bertambah atau berterusan, serta keadilan masyarakat diremehkan. Maka rasa tidak puas hati yang sekian lama terpendam dan membara boleh meletus dan merebak dalam bentuk rusuhan dan penganasan. Lebih parah lagi jika mereka yang berkuasa dilihat sebagai orang asing yang memerintah secara paksa atau tidak sah. Begitulah yang terjadi dalam penentangan terhadap pendudukan atau penjajahan sesebuah negara, yang dianggap sebagai manifestasi masalah keasingan dalam dimensi politik yang mencapai klimaksnya. Maka pemberontakan atau penentangan bersenjata sering meletus: *“Penjajahan bukan mesin yang berfikir, bukan suatu badan yang mempunyai keupayaan untuk berfikir. Ia adalah keganasan secara alami, dan ia*

akan hanya mengalah jika berhadapan dengan keganasan yang lebih kuat” (Fanon 1963 hlm. 48 terj. saya). Demi membenarkannya, keganasan dilihat sebagai tindakan yang diperlukan bagi mencapai pembebasan: “Pada tahap individu, keganasan adalah upaya yang membersihkan. Ia membebaskan pribumi daripada rasa rendah diri dan daripada kekecewaan serta kelumpuhan dalam tindakan; ia membuatnya berani dan mengembalikan harga diri” (ibid hlm. 74 terj. saya). Dalam hal ini, Fanon mengajukan gagasan radikal yang bersandarkan keganasan bagi melawan dan mengatasi masalah keasingan yang dialami masyarakat Algeria yang dijajah dan ditindas Perancis pada peperangan 1954-1962.

Friere (1970) pula mengajukan suatu konsepsi keganasan bersifat dialektika antara penindas dengan mangsa penindasan. Baginya, usaha membebaskan kelompok daripada penindasan adalah suatu upaya untuk mengembalikan nilai kemanusiaan iaitu membebaskan mangsa penindasan daripada masalah keasingan yang runcing. Namun proses ini pada hakikatnya bukan sekadar tertumpu pada usaha menggantikan penindas dengan mangsa penindasan. Ia harus melibatkan penindas agar nilai kemanusiaan tersebut dapat diajukan serta didakap oleh mereka juga: “Secara sedar atau tidak, tindakan memberontak oleh mangsa penindasan (suatu tindakan yang hampir selalu adalah sehebat keganasan oleh penindas) boleh mencetuskan kasih sayang. Manakala keganasan penindas telah menghalang mangsa penindasan daripada menjadi manusia sepenuhnya, respon mangsa penindasan adalah berasaskan hasrat untuk mendapatkan hak kemanusiaan itu kembali. Oleh kerana penindas telah menghapuskan rasa dan hak kemanusiaan orang lain, mereka sendiri sebenarnya telah hilang nilai kemanusiaan tersebut. Bagi mangsa penindasan yang berjuang untuk menjadi manusia dan merampas kuasa daripada penindas pula, mereka sebenarnya telah mengembalikan nilai kemanusiaan yang telah hilang daripada penindas” (Friere 1970 hlm. 56 terj. saya).

Dengan kata lain, Friere mahukan manusia baharu lahir daripada kedua-dua penindas dan mangsa penindasan daripada usaha pembebasan tersebut. Beliau mahukan penyelesaian yang bermanfaat bagi kedua-dua pihak, dan hasrat ini sangat signifikan bagi memartabatkan nilai kemanusiaan dengan menghapuskan masalah keasingan yang terbit daripada penindasan, yang wujud pada kedua-dua pihak yang bertentangan. Beliau melihat dialektika keadaan sebagai realiti dan resolusi bagi permasalahan yang dihadapi bersama. Gerakan yang dinamakan *conscientizagao* tersebut meliputi usaha mempelajari cara mencerap kontradiksi pada dimensi sosial, politik dan ekonomi, dan bertindak menentang elemen-elemen yang menindas pada realiti (Friere, 1970 hlm. 35). Antara lain, usaha ini melibatkan pedagogi yang dinamakan ‘projek pendidikan’ (ibid hlm. 54).

Dalam hal penjajahan dan kesannya ke atas dimensi kehidupan, Ismail Faruqi (1982) menawarkan pandangan berikut pula: “kolonialis-kolonialis secara langsung atau oleh antek-antek mereka dari kalangan pribumi, segala sesuatu yang berbau Islam diserang, integritas al-Quran, kerasulan Nabi Muhammad, kebenaran sunnahnya, kesempurnaan syariah, prestasi-prestasi gemilang yang dicapai kaum Muslimin di dalam kultur dan kebudayaan, tidak satu pun lepas dari serangan. Maksudnya adalah untuk menanamkan keraguan dalam diri seorang Muslim terhadap dirinya, terhadap ummahnya, terhadap agamanya dan terhadap leluhurnya, untuk melepaskan kesedaran Islam dari dirinya; untuk menumbangkan keperibadian Islamnya, dan dengan demikian membuatnya lebih patuh kerana tidak memiliki stamina spiritual yang perlu untuk memberi perlawanan. Negara-negara kolonial beserta antek-anteknya mengisi kehidupan sehari-hari seorang Muslim dengan efek-efek yang mempromosikan kultur Barat” (Ismail Faruqi 1982 hlm. 9).

Perebutan pengaruh sejurus setelah mendapatkan kebebasan daripada masalah keasingan yang berpunca daripada penjajahan mahupun penindasan amat ketara dalam peristiwa “pembahagian” (*partition*) antara Pakistan dengan India pada 1947. Pertembungan ideologi antara gerakan yang dipimpin oleh Ali Jinnah yang berfahaman sekular dengan Maududi, pemimpin Jamaat Islamiah yang mengajukan konsep negara Islam (*Islamic state*) telah menyebabkan ketegangan dan perpecahan antara kelompok rakyat Pakistan yang berlainan ideologi. Menurut Maududi: “Masalah asas dalam dunia Islam adalah bagaimana membina semula ideologi Islam di persada dunia pada kurun pertengahan duapuluh....Islam bukan sekadar kumpulan dogma dan ritual. Islam ialah cara hidup yang syumul. Ia merangkum Petunjuk Tuhan bagi kesemua bidang kehidupan, sama ada peribadi atau awam, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral, perundangan dan kehakiman. Islam ialah ideologi yang merangkum segalanya dan masalah yang dihadapi dunia Islam yang baru bangun daripada perhambaan politik adalah menafsirkan ideologi ini secara praktis dan membina semula kehidupan sosio-politik berdasarkannya” (Maududi 1955 hlm. 1 terj. saya). Ideologi yang diajukan Maududi langsung bertembung dengan fahaman sekular Ali Jinnah, dan masyarakat Islam Pakistan yang baru bebas daripada cengkaman India tersepit dalam ketegangan dan keresahan di antara kedua-duanya. Di sini bukan tempatnya membincangkan hal ini secara terperinci, namun cukup untuk merakamkan bahawa punca, corak dan strategi penyelesaian terhadap masalah keasingan tersebut telah berubah wajah. Masyarakat Islam India yang sebelumnya mengalami masalah keasingan sebagai minoriti di India yang didominasi masyarakat Hindu, menghadapi masalah keasingan yang berpunca daripada pertentangan ideologi yang didukung pemimpin-pemimpinnya sejurus setelah Pakistan mencapai kemerdekaan setelah terpisah dengan India pula.

Seterusnya, walaupun tujuan keempat-empat Friere, Ismail Faruqi, Ali Jinnah dan Maududi adalah serupa, iaitu pembebasan daripada masalah keasingan terbit daripada penjajahan dan penindasan politik, pandangan dunia yang mendukungnya serta cara mengatasinya adalah berbeza. Friere dibakar semangat pembebasan wilayah utara-timur di Brazil dari 1930-an hingga 1960-an, tanpa mengenyepikan pihak yang menindas ataupun tertindas. Menerusi analisisnya pula, Ismail Faruqi mengajukan penyelesaiannya menerusi terapan ‘Islamasi Pengetahuan’ pada sistem politik, ekonomi dan sosial di beberapa negara majoriti Islam. Ali Jinnah menawarkan fahaman sekularisme sebagai asas pentadbiran negara, manakala Maududi pula menjustifikasikan pembentukan negara Pakistan berasaskan ideologi agama yang agak tegar, setelah sekian lama negara itu di bawah cengkaman penindasan kaum Hindu di India. Kesemuanya berpunca daripada masalah keasingan akibat penjajahan dan penindasan yang mencengkam masyarakat.

Rumusannya, manifestasi masalah keasingan dalam dimensi politik yang pelbagai corak dan tahap, seperti yang dibentangkan di atas, mengablurkan beberapa prinsip operasi yang jelas dan penting. Pertama, *kelonggaran* dari segi hubungan antara mereka yang berkuasa dan menindas dengan yang dikuasai dan tertindas. Malah kelonggaran hubungan ini juga terserlah antara kelompok yang berlainan ideologi. Kedua, *ketidakseimbangan* perihal penerimaan atau penolakan ke atas dasar yang digubal dan cara negara diperintah kerana kepentingan yang bercanggah. Ketiga, rasa tidak peduli dan syak wasangka antara orang awam terhadap aparat dan proses politik menyebabkan kebingungan, dan jika keadaan ini berlarutan ia boleh mencetuskan penentangan ganas yang menimbulkan ketegangan dan *kecelaruan* dalam masyarakat. Keempat, suasana yang tidak harmoni menambahkan *kekaburan* dari segi penerangan dan penerimaan dasar dan program, serta ke atas persepsi dan kepercayaan di kalangan pihak yang terlibat. Kelima, kesemua ini berpunca daripada pendirian *reduksionisme*, iaitu sikap prejudis, berat sebelah, berkepentingan pada satu pihak, serta tidak menyeluruh. Seperti yang disentuh di atas, antara lain penyelesaian terhadap masalah keasingan tersebut

harus merangkum dan melibatkan perbincangan dan kerjasama secara dialektika antara kedua-dua pihak, ideologi atau anasir yang bertentangan.

Masalah Keasingan Dalam Dimensi Ekonomi

Menurut Marx (1844) masalah ‘alienasi’ atau keasingan dalam ekonomi merujuk pada keterpinggiran, penghakisan nilai-nilai kemanusiaan, dan kekecewaan yang dirasakan seseorang yang bekerja dalam sistem kapitalis. Punca masalah keasingan tersebut adalah sistem ekonomi itu sendiri. Ia merujuk pada proses di mana seorang pekerja berasa:

a) terasing daripada hasil kerjanya sendiri, kerana produk tersebut dilakar dan diarahkan oleh orang lain untuk meraih keuntungan bagi golongan kapitalis dan bukan untuk pekerja, melalui perjanjian gaji-buruh yang termaterai.

b) terasing daripada proses kerjanya yang diarahkan oleh orang lain, spesifik sifatnya, bertindan dan tidak memuaskan diri dari sudut kreativiti. Tambahan pula, kerja itu dibuat untuk mendapatkan gaji demi penakatan, bukan untuk pembangunan diri.

c) terasing daripada orang lain, menerusi sistem produksi yang menempatkan mereka dalam keadaan sering bersaing untuk menjual daya buruh bagi mendapatkan nilai terendah. Keasingan seperti ini menghambat pekerja daripada melihat dan memahami pengalaman dan permasalahan bersama.

d) terasing daripada dirinya sendiri, kerana hasrat dan pencarian untuk mendapatkan kebahagiaan ditentukan struktur sosio-ekonomi, dan menerusi kerelaan mereka dijadikan sebagai objek dalam jentera produksi kapitalis yang melihat mereka bukan sebagai manusia tetapi sebagai elemen yang boleh diganti dalam sistem produksi.

Menurut Marx lagi, buruh dan kerja adalah bahagian utama daripada konsepsi seseorang mengenai kesejahteraan dirinya. Masalah keasingan berlaku apabila usaha atau kerja yang dilakukannya menjadi suatu komoditi ke atas dirinya dalam aspek mencapai kesejahteraan sosialnya. Dalam sistem kapitalis, yang beruntung ialah golongan burjuis, manakala kelas pekerja mengalami masalah keasingan daripada usaha atau kerjanya sendiri: *“Pekerja tidak menyempurnakan diri dalam kerjanya, tetapi menolak dirinya sendiri. Pekerja malah berasakan penderitaan, bukannya kebahagiaan. Pekerja tidak mengembangkan daya fikiran dan kekuatan lahiriahnya dengan bebas, tetapi secara kejiwaan disedut habis, dan secara mental direndahkan. Kerana itu pekerja berasa senang di rumah ketika bercuti, manakala dia berasa seperti gelandangan ketika sedang bekerja”* (Marx 1844 hlm. 98 terj. saya).

Dalam hal ini, Marx menginginkan sebuah masyarakat di mana manusia menjadi matlamat kepada kehidupan dan bukannya produksi barangan. Dalam masyarakat sedemikian, manusia tidak lagi menjadi *“barang asing yang lumpuh, tetapi menjadi manusia yang sepenuhnya berkembang”* (ibid hlm. 107 terj. saya).

Menjelaskan perkara yang serupa tetapi dari sudut yang berbeza, Fromm (1956) menjelaskan: *“Kapitalisme modern memerlukan manusia yang bekerjasama sepenuhnya dengan lancar, dan dalam bilangan yang banyak; mereka yang rakus sebagai konsumer; di mana citarasa mereka sudah diseragamkan, mudah dipengaruhi dan dijangka. Ia memerlukan manusia yang berasa bebas dan mandiri, bukan yang dikerahkan untuk mematuhi penguasa, prinsip atau dhomir – namun rela diarah, untuk berbuat menurut apa yang dijangka daripada mereka, untuk diterima masuk ke dalam mesin sosial tanpa rintangan; mereka yang mudah dituntun tanpa paksaan, dipimpin tanpa pemimpin, digerakkan tanpa tujuan – kecuali hanya*

sebagai orang yang diperlukan, sentiasa bergerak, berfungsi, maju ke hadapan. Apakah hasilnya? Manusia modern menjadi terasing daripada dirinya, daripada manusia lain, dan daripada alam semesta” (Fromm 1956 hlm. 85-86 terj. saya).

Kritikan utama terhadap masalah keasingan yang dikemukakan Marx yang berfahaman sosialis adalah: ia berpunca daripada sistem dan struktur ekonomi, khususnya sistem kapitalis modern. Pemikir seperti Durkheim (1893), Weber (1958) dan Fromm (1956) menawarkan punca yang berlainan mengenainya, biarpun mereka bersetuju bahawa masalah keasingan ialah problema masyarakat yang berkait atau seiring dengan kemunculan dan kepesatan perindustrian dan ekonomi modern terbit daripada sistem kapitalis yang melanda Eropah pada ketika itu. Namun begitu, ketiga-tiga pemikir ini masih terikat pada fahaman sekularisme yang menjadi dasar sistem ekonomi kapitalis mahupun sistem ekonomi sosialis Barat: *“Peradaban Barat adalah berdasarkan pemisahan antara agama dan negara. Manusia dianggap sebagai berupaya memenuhi keperluannya sendiri. Maka permasalahan sosial, ekonomi, politik dan teknologi bagi peradaban manusia digapai tanpa sebarang rujukan kepada Tuhan dan petunjuk-Nya. Tuhan mungkin disembah dalam kehidupan peribadi. Tetapi urusan masyarakat dan ekonomi dikendalikan mengikut pertimbangan dan ‘kebijaksanaan’ manusia...Dunia Islam tidak terkecuali mengenai hal ini. Model ekonomi dan masyarakat yang dibangunkan pada dua ratus tahun kebelakangan ini, terikat pada tradisi sekularisme Barat. Tiga dekad kebelakangan ini menyaksikan kelahiran sebanyak empat puluh negara Islam yang merdeka, tetapi sistem politik-ekonomi dalam negara-negara tersebut masih berasaskan model Barat “ (Khursyid Ahmad 1980 hlm xiii terj. saya).*

Maka Khursyid Ahmad menawarkan sistem ekonomi Islam sebagai alternatif lalu menjelaskan: *“Islam ialah cara hidup yang syumul dan perbezaan antara nilai dan prinsip Islam dengan realiti masyarakat yang dilanda sekularisme merupakan punca utama ketegangan yang meresap ke dalam dunia Islam pada masakini. Kebangkitan Islam menawarkan pendekatan baharu – iaitu, usaha membangun semula ekonomi dan masyarakat berlandaskan matlamat dan nilai Islam serta keperluan kehidupan kontemporari...usaha sedang dilaksanakan pada hampir kesemua aspek kehidupan individu dan masyarakat – untuk menilai kerelevanan Islam dan mencari cara dan jalan untuk merealisasikan kesedaran ini menjadi kenyataan sosio-ekonomi” (ibid, hlm xiv terj. saya).* Di sini bukan tempat menjelaskan perihal sistem ekonomi Islam yang diajukannya secara mendalam dan rinci, namun cukup ditegaskan bahawa beliau melihat sistem tersebut sebagai cara memenuhi keperluan manusia bagi sebahagian daripada kedua-dua aspek keduniaan dan akhirat bagi individu dan masyarakat, maka dengan sendirinya adalah penyelesaian bagi masalah keasingan yang dihadapi mereka akibat cengkaman kapitalisme, sosialisme mahupun sekularisme Barat yang meniadakan atau mengabaikan dimensi spiritualiti manusia dalam kehidupan individu, masyarakat dan pentadbiran negara.

Natijahnya, masalah keasingan dalam dimensi ekonomi ini bersumber daripada pandangan dunia yang mempengaruhi, membentuk dan menggerakkannya. Dalam sistem kapitalis modern, terjadi *kelonggaran* hubungan antara individu, kelompok individu dengan sistem ekonomi itu sendiri. Manusia hanya menjadi alat atau bahagian daripada mesin produksi. Pembangunan sumber manusia dan pencapaian hasil produksi yang memacu ekonomi mengalami *ketidakseimbangan* malah sering bertentangan matlamat dan keutamaan dalam kehidupan manusia. Tambahan pula, kedua-dua sistem kapitalis dan sosialis, berlandaskan fahaman sekularisme yang memisahkan penghayatan agama dengan urusan keduniaan, telah mengabaikan keperluan spiritualiti manusia samasekali. Akibatnya, terjadi *kecelaruan* dalaman yang mengasingkan manusia daripada dirinya sendiri, orang lain, alam semesta dan Tuhan. Maka hidupnya mengalami *kekaburan* dari segi matlamat dan peranan

dalam ertikata kehilangan punca dan makna. Masyarakat Islam di beberapa negara juga tidak terlepas daripada permasalahan ini kerana masih terikat dengan fahaman sekularisme peninggalan bekas penjajah Barat yang mengabaikan atau menidakkan keperluan spiritualiti dalam pentadbiran masyarakat dan negara, iaitu mendukung *reduksionisme* dari segi pembangunan manusia yang tidak menyeluruh.

Masalah Keasingan Dalam Dimensi Sosial

Masalah keasingan dalam dimensi sosial adalah perasaan tersisih dari sebuah kumpulan, sama ada rakan, keluarga atau masyarakat di mana individu tersebut mempunyai keterikatan sebelumnya. Gambaran hubungan sosial yang dilanda keasingan adalah kelonggaran pada nilai-nilai bersama, dan jarak jauh atau keterpinggiran dalam hubungan sesama individu atau di antara individu tertentu dengan kelompok masyarakat. Ia juga boleh terjadi antara satu kelompok masyarakat dengan kelompok lain.

Apabila masalah keasingan ini berlaku, selalunya ia berpunca atau melibatkan isu-isu seperti pembasmian hak istimewa, prejudis atau diskriminasi dan sebagainya. Sering masalah keasingan sedemikian bertolak dari dimensi politik, ekonomi dan pendidikan lalu menurun ke dimensi sosial, atau boleh juga sebaliknya. Contohnya ialah kelompok masyarakat Melayu Singapura yang menjadi golongan minoriti setelah perpisahan dari Malaya pada 1965, dan berhadapan dengan budaya politik yang diterapkan pemerintah Singapura ke atasnya. Huraian akan dibentangkan di bahagian paparan sosio-budaya masyarakat Melayu Singapura di bawah.

Mereka yang terasing dalam dimensi sosial tidak berkongsi nilai-nilai bersama dan tidak berasakan perpaduan dalam masyarakat. Mereka berasa terpinggir daripada hasrat dan aktiviti arus utama negara dan masyarakat dan sering berasa sinis terhadap penggubal dasar yang menyebabkan masalah keasingan itu terjadi dan menjejaskan kehidupan mereka.

Menurut Wegner (1975), masalah keasingan menimbulkan masalah sosial yang signifikan kerana mereka yang berasa terasing enggan mematuhi atau menuruti norma-norma sosial, nilai serta peranan dalam masyarakat moden. Justeru itu perlu pengawalan luaran yang ketat agar individu-individu tersebut mematuhi norma-norma sosial demi kestabilan dan kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, perihal masalah keasingan ini, Durkheim (1893) menawarkan konsep '*anomie*' yang menjelaskan bahawa masyarakat sedang mengalami semacam krisis moral yang berpunca daripada kepesatan proses perindustrian dan pembentukan sistem ekonomi baharu yang membenam cara hidup tradisional, lalu mengakibatkan keruntuhan norma-norma yang bernaung dalam masyarakat, terutama dalam bandar di mana individu berinteraksi secara padat dan pesat. Dalam keadaan demikian, individu-individu tersebut tidak berupaya menangani perubahan yang pantas dan kacau-bilau, lalu mengakibatkan kelunturan norma atau '*normlessness*' di mana norma, nilai dan amalan tradisional tidak berfungsi atau tidak menyatukan masyarakat lagi. Durkheim meletakkan '*anomie*' atau masalah keasingan ini sebagai punca utama krisis kehidupan modern kerana ia menjejaskan kestabilan dan dinamika masyarakat.

Namun begitu, kebalikan daripada masalah keasingan di atas yang melibatkan masyarakat secara amnya, masalah keasingan boleh juga terjadi apabila seseorang hilang keperibadiannya melalui proses '*socialization*' atau pemasyarakatan. Dengan kata lain, identitinya sebagai individu ditelan oleh identiti masyarakat pula. Fenomena ini sering muncul apabila terjadinya krisis dalam masyarakat yang dalam peralihan sejarah: "*Budaya, sebagai*

produk kehidupan yang murni dan jitu, kerana lahirnya daripada kenyataan bahawa manusia berasakan keresahan dan keterujaan dalam kehidupan, akhirnya menjadi pemalsuan kehidupan sendiri. Diri manusia yang jitu ditelan oleh diri yang berbudaya dan dibentuk oleh konvensi masyarakat. Setiap budaya atau setiap fasa pembudayaan, berakhir dengan pemasyarakatan manusia. Begitu juga sebaliknya, pemasyarakatan menarik manusia keluar dari kehidupan....Perkara ini sering terjadi ketika sejarah mengalami krisis. Ia merupakan keasingan manusia yang tertinggi” (Ortega 1958 hlm. 99 terj. saya). Menghuraikannya dengan lebih rinci, Ortega menjelaskan: “Aku dilemparkan ke dalam rangkaian lingkungan, ke dalam keadaan yang cacamerba dan dikerumuni pelbagai masalah, di dalamnya aku kehilangan diriku, bukan kerana permasalahannya terlalu banyak, susah atau tidak kusetujui, tetapi kerana ia mengeluarkan aku daripada diriku sendiri, ia membuat aku menjadi orang lain, ia merubahku, ia membingungkanku, dan aku hilang tumpuan pada diriku. Aku tidak tahu apa sebenarnya yang kumahu, sama ada aku merasa atau tidak merasa, sama ada aku percaya atau tidak percaya. Aku kehilangan diriku dalam benda-benda, maka aku kehilangan diriku. Jawapan atau penyelamat pada masalah ini adalah aku harus mencari diriku kembali, berasa aman dengan diriku sendiri, untuk menjadi jelas tentang sikapku terhadap setiap dan segala yang wujud” (ibid hlm. 109-110 terj. saya).

Dalam hal berkaitan dengan individu yang kehilangan identiti, Fromm menjelaskan pula: *“Pada masakini kita ditemukan dengan seseorang yang berkelakuan dan berasakan seperti ‘automaton’; yang tidak mengalami sesuatu yang benar-benar dirinya; yang menghayati dirinya berdasarkan jangkaan orang lain; senyuman palsunya telah menggantikan tawa yang jitu, kata-kata kosongnya telah menggantikan perbualan bermakna; keluhannya yang sebal telah menggantikan kesakitan tulen....dia menghadapi kecacatan tidak berupaya bertindak spontan dan hilang keindividuaan yang tidak dapat dirawat. Pada masa yang sama, boleh dikatakan bahawa hakikatnya dia tidak berlainan dengan jutaan manusia lain yang sama keadaannya” (Fromm 1955 hlm. 16 terj. saya).*

Satu lagi masalah keasingan yang beroperasi dalam dimensi sosial berkait dengan aspek ‘sosiologi ilmu’ (*sociology of knowledge*). Manheim (1936) mengajukan konsep ‘kesedaran palsu’ (*false consciousness*) yang merupakan kesendengan tanggapan terhadap realiti (politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritualiti) yang dipengaruhi ideologi yang diyakini seseorang. Dengan kata lain, penilaiannya terhadap kehidupan yang dilaluinya diwarnai pemikiran yang tidak berasakan fakta atau berpijak atas dunia nyata, tetapi ditopang gagasan, kepercayaan, malahan prejudis yang tidak dapat dipertahankan atau disahkan kebenarannya. Dalam hal ini, masalah keasingan yang menjeratnya adalah antara dirinya dengan fakta dan realiti yang bernaung dalam hidupnya. Keadaan ini kerap berlaku di kalangan mereka yang mengutarakan pemikiran dan pendirian terhadap masyarakat seperti pemimpin, intelektual, akademik, golongan agama, sasterawan dan pendidik: *“Bahaya ‘kesedaran palsu’ pada masakini bukanlah kerana ia tidak berupaya mencerpah keseluruhan realiti yang tidak berubah, tetapi kerana ia merintanggi pemahaman menyeluruh ke atas realiti yang berpunca daripada hasil aturan semula yang berterusan ke atas proses mental yang melakar dunia kita. Maka menerusi tuntutan proses dialektika, ia menjadi payah untuk dimengerti kenapa adalah perlu untuk menumpukan perhatian lebih mendalam ke atas tugas untuk menetapkan, yang mana antara idea-idea yang bernaung adalah sah pada sesuatu keadaan” (Manheim 1936, hlm. 84 terj. saya).* Dalam hal ini kejujuran, keadilan dan ketertiban dalam pertimbangan atau penilaiain sebelum mengajukan gagasan mengenai masyarakat amatlah dituntut daripada mereka yang menilai realiti berkenaan.

Natijahnya, dalam menangani masalah keasingan dalam dimensi sosial ini, perlu ada usaha untuk mengatasi *kelonggaran* hubungan antara individu, atau antara kelompok dalam

masyarakat. Harus ada upaya untuk mengatasi *ketidakseimbangan* dalam menyahut tuntutan masyarakat dengan mempertahankan dan menyuburkan identiti peribadi. Harus ada penawar untuk mengubat *kecelaruan* yang berpunca daripada keresahan yang muncul bersama keasingan yang dirasakan individu atau kelompok masyarakat. Harus ada usaha untuk menjernihkan *kekaburan* persepsi terbit daripada kesangsian atau rasa benci, atau ‘kesedaran palsu’ di kalangan masyarakat. Harus ada tindakan untuk mengembalikan kepercayaan yang terjejas daripada sikap *reduksionisme* iaitu melihat sesuatu dari sudut terpencil dan tidak menyeluruh, terutama bagi mereka yang mempunyai pengaruh atau kuasa dalam mentadbir masyarakat.

Masalah Keasingan Dalam Dimensi Pendidikan

Masalah keasingan dalam dimensi pendidikan lumrahnya dimanifestasikan dalam bentuk rangkaian sikap negatif yang dipaparkan golongan pelajar terhadap ranah sosial dan akademik dalam hubungan persekolahan-pendidikannya, guru-guru dan rakan-rakan sekolah, dari segi kognitif mahupun tingkah laku. Masalah keciciran dalam persekolahan atau sistem pendidikan adalah kesan utama masalah keasingan tersebut di mana pelajar berasa tidak berdaya, hilang punca, mengabaikan norma-norma atau tersisih dari lingkungan pendidikan seperti sekolah.

Masalah keasingan ini sering terpancar dalam gejala seperti rendah pencapaian pelajaran, rendah mutu suasana pendidikan, rendah kualiti alat-alat pembelajaran, dan rendah kualiti hubungan di antara guru dengan murid, serta di kalangan murid-murid sendiri. Ia juga menimbulkan perasaan sinis pada nilai pendidikan yang asas dan terhadap cara nilai itu dapat diraih, juga terhadap matlamat dan pelaksanaan sistem pendidikan, dan diiringi rasa tidak berdaya untuk mengatasinya.

Masalah keasingan seperti yang digambarkan secara luaran di atas dapat dikesan dalam suasana pendidikan yang telah terbentuk sekian lama dalam keadaan yang relatif aman dalam suatu sistem pemerintahan berasaskan demokrasi. Namun daripada penerangan mengenai masalah keasingan pada bahagian politik, ekonomi dan sosial di atas, wujud punca dan arus masalah keasingan yang lebih dalam dan bergejolak, serta berkait dengan peralihan daripada sistem kolonial kepada nasionalisme berteraskan demokrasi, serta bergantung pada pandangan dunia serta matlamat di balik pembentukan sistem pendidikan itu sendiri.

Bagi Naquib al-Attas (1978) dan Ismail Faruqi (1982), punca sebenar masalah keasingan dalam sistem pendidikan yang melanda masyarakat, terutama umat Islam, ialah pandangan dunia sekular yang pada dasarnya memisahkan urusan keduniaan dengan urusan kerohanian manusia. Akibat daripada pemisahan tersebut, wujud dikotomi berasaskan matlamat yang berbeza, malah sering bertentangan antara kedua-duanya. Keadaan ini sering menimbulkan kebingungan di kalangan umat Islam perihal matlamat hidup dan konsep pembangunan insaniah yang perlu mereka fahamkan dan ikuti.

Naquib al-Attas mengajukan konsep pendidikan Islam yang berasaskan tradisi Islam sendiri. Ia didefinisi sebagai: “*kesedaran dan pengakuan yang ditanam bertahap-tahap ke atas manusia, mengenai kedudukan sesuatu yang sah dalam aturan ciptaan, hingga ia mengarah kepada kesedaran dan pengakuan tentang kedudukan Tuhan pada aturan diri dan kewujudan*” (Naquib al-Attas 1997 hlm. 21 terj. saya). Baginya, pendidikan ialah asas masyarakat, dan beliau menekankan perihal “*adab yang merangkum amal dalam pendidikan dan pembelajaran....untuk memastikan bahawa ilmu mempunyai kegunaan dalam masyarakat. Oleh kerana itu, para bijak-pandai, manusia yang mempunyai kesedaran yang tinggi, serta para ilmuwan di kalangan umat Islam pada masa dahulu menggabungkan ilmu, amal dan adab, dan menganggap gabungan harmonis antaranya sebagai pendidikan*” (ibid hlm. 25 terj.

saya). Baginya lagi, “*adab ialah kesedaran dan pengakuan tentang kenyataan bahawa ilmu dan diri diatur secara heirarki menurut darjat dan pangkat, dan kedudukan seseorang yang sah berhubungan dengan realiti tersebut serta keupayaan dan potensi lahiriah, intelek dan kerohaniannya*” (ibid hlm. 26 terj. saya).

Demi mencapai hasrat ini, beliau meneruskan tradisi pendidikan Islam yang menggabungkan ilmu fardhu ‘ain yang merangkum ilmu agama dengan ilmu fardhu kifayah yang merupakan pelbagai ilmu kemanusiaan. Dengan demikian, kedua-dua keperluan rohaniah dan lahiriah masyarakat dapat dijamin kesatuannya. Baginya lagi, proses ‘Islamisasi’ adalah pembebasan manusia, pertama daripada tradisi sihir, mitos, kepercayaan animistik serta tradisi nasional-budaya, dan seterusnya daripada pengaruh dan kawalan fahaman sekular ke atas pemikiran dan bahasa....Baginya, kebalikan daripada ‘Islamisasi’ adalah “*kemasukan konsep-konsep asing ke dalam minda Muslim, di mana ia menetap dan mempengaruhi pemikiran dan penaakulan. Ia menyebabkan kealpaan terhadap Islam dan tugas Muslim kepada Tuhan dan Rasul-Nya, yang merupakan tugas utama yang diberikan ke atas dirinya yang sebenar; maka ia adalah kezaliman pada dirinya*” (ibid hlm. 44 terj. saya). Walaupun beliau sendiri tidak menyatakan secara eksplisit, ternyata strategi keilmuan ini adalah untuk mengatasi masalah keasingan dalam dimensi pendidikan bagi umat Islam iaitu menerusi gabungan kedua-dua cabang ilmu di atas berasaskan disiplin adab. Hasrat tersebut terserlah secara tidak langsung apabila beliau menyatakan keperluan membebaskan manusia daripada sekularisme dan pengaruh konsep-konsep asing dalam pemikiran Muslim.

Sebagai perbandingan Ismail Faruqi menggerakkan usaha ke arah ‘Islamisasi Pengetahuan’ sebagai respon terhadap terapan ideologi yang ditinggalkan dan terus diterapkan kuncu-kuncu penjajah ke atas umat Islam yang baru mendapatkan kemerdekaan: “*Tidak ada harapan akan kebangkitan yang sungguh-sungguh dari ummah kecuali sistem pendidikan diubah dan kesalahan-kesalahannya diperbaiki. Sesungguhnya yang diperlukan bagi sistem itu adalah dibangunnya bentuk yang baru. Dualisme yang sekarang ini dijumpai di dalam pendidikan Muslim, dikotomi sistem Islam dan sistem sekular harus ditiadakan dengan tuntas. Kedua sistem tersebut harus dipadukan secara integral; dan sistem yang ditimbulkannya harus diisi dengan semangat Islam dan berfungsi sebagai sebuah bagian yang integral dari program ideologisnya. Sistem ini jangan sampai menjadi ciplakan dari sistem Barat, atau dibiarkan menentukan jalannya sendiri.....Sistem pendidikan ini harus mengandungi sebuah misi – dan misi tersebut tak bisa lain daripada penyampaian wawasan Islam, pemeliharaan kemauan untuk merealisasikannya di dalam ruang dan waktu*” (Ismail Faruqi 1982 hlm. 21-22).

Seterusnya Ismail Faruqi mengajukan rencana kerja bagi merealisasikan matlamat tersebut dengan langkah lima tahap:

- a) Penguasaan disiplin ilmu modern
- b) Penguasaan khazanah Islam
- c) Penentuan relevansi Islam bagi masing-masing bidang ilmu modern
- d) Pencarian sintesis kreatif antara khazanah Islam dengan ilmu modern
- e) Pengarahan aliran pemikiran Islam ke jalan-jalan yang mencapai pemenuhan pola rencana Allah Subhana wa Ta’ala.

Suatu perkara yang perlu diperhatikan adalah beliau tidak menolak tetapi menyaring ilmu modern untuk digandingkan dengan ilmu daripada khazanah Islam secara sintesis. Pendirian ini adalah berbeza dengan konsep ‘Islamisasi’ Naquib Alattas yang menolak sama sekali pengaruh pemikiran sekular yang merangkum ilmu modern. Konteks yang membentuk pemikiran Ismail Faruqi juga sedikit berbeza, iaitu untuk membebaskan umat Islam daripada

pelbagai wajah penjajahan yang tertinggal, menyusul pembebasan daripada penjajahan politik, manakala bagi Naquib Alattas, pendiriannya adalah bersumber daripada hasrat membina epistemologi Islam sendiri.

Mengenai corak pendidikan setelah negara mencapai kemerdekaan daripada penjajah dan dipacu semangat nasionalisme seterusnya, Fanon (1967) menawarkan kerangka konsep *conscientizagao* yang meliputi usaha untuk mempelajari cara menceraap kontradiksi pada dimensi sosial, politik dan ekonomi yang melibatkan kedua-dua pihak penindas dan tertindas melalui 'projek pendidikan'. Antara lain usaha ini melibatkan PAR (*Participatory Action Research*), 'Kajian Tindakan Secara Penglibatan' untuk mendapatkan pandangan dan pengajaran, (*insights*) 'bersama' dan bukan 'untuk' golongan yang tertindas iaitu masyarakat kulit hitam Algeria yang baru mendapatkan kemerdekaan daripada Perancis. Maksudnya, sebahagian daripada elit peninggalan penjajahan bekerjasama dengan masyarakat yang pernah ditindas untuk merangkakan konsep dan sistem pendidikan yang sesuai untuk mereka. Tujuannya adalah untuk memahami kesenjangan serta keperluan, dan mengatasi masalah keasingan terbit daripada penjajahan minda dan jiwa yang pernah dialami pribumi, demi mengisi hasrat pembangunan daripada kemerdekaan itu sendiri.

Keadaan yang serupa berlaku di Singapura setelah negara itu mendapatkan kemerdekaan pada 1965 dari Malaya. Singapura yang pernah dijajah kedua-dua Jepun dan British tidak lama sebelumnya, juga mencari model pendidikan yang sesuai untuk pembangunan negara dan rakyatnya. Huraian mengenainya dibentangkan pada bahagian paparan sosio-budaya masyarakat Melayu di bawah.

Natijahnya, masalah keasingan dalam dimensi pendidikan menyerlahkan *kelonggaran* dalam hubungan dan persefahaman antara golongan pemerintah, pendidik dan pelajar, lebih-lebih lagi apabila pandangan dunia serta matlamat antara ketiga-tiga pihak adalah tidak selari atau bercanggahan. Dalam konteks pendidikan Islam, masalah keasingan ini terserlah sebagai *ketidakseimbangan* antara pendidikan ukhrawi yang diinginkan umat Islam dengan pendidikan duniawi yang menjadi tunjang fahaman sekularisme pemerintah. Maka timbul *kecelaruan* dalam menuntun dan mendukung hasrat kedua-duanya kerana sistem pendidikan yang bernaung tidak menyokong matlamat pendidikan duniawi-ukhrawi yang diinginkan. *Kekaburan* dari segi penerangan tentang hal ini, atas dasar bertentangan dengan objektif pemerintah yang sekular dan berteraskan *reduksionisme* kerana mengeneppikan pendidikan agama, menimbulkan masalah keasingan secara berterusan dan menimbulkan kesan psikologi yang mendalam ke atas individu dan masyarakat .

Masalah Keasingan Dalam Dimensi Psikologi

Masalah keasingan yang wujud dalam ranah psikologi merangkum dua dimensi iaitu psikologi individu dan psikologi sosial. Psikologi individu memberi tumpuan pada tabiat, ciri dan pemikiran individu. Psikologi sosial merujuk pada impak daripada lingkungan sosial dan hubungan kelompok ke atas sikap dan tindak-tanduk ahli masyarakat. Masalah keasingan pada kedua-dua dimensi psikologi tersebut berkongsi simptom yang serupa, namun berbeza skala dan impak. Perbezaan antara kedua-duanya terletak pada cara menjejaki dan mengukur kadar keasingan tersebut. Sudut individu menggunakan kaedah ilmu psikoanalisis manakala sudut sosial menggunakan kaedah ilmu sosiologi dan psikologi sosial. Namun kedua-duanya berkait malah saling mempengaruhi.

Keasingan dalam dimensi psikologi individu merujuk pada keadaan jiwa seseorang yang tidak mempunyai kekuatan dan daya dalam menghadapi kehidupan. Baginya, dunia sering menyerlahkan kepayahan. Konsep ini serupa dengan konsep kemurungan (*depression*)

yang dialami seseorang. Namun kemurungan yang berpunca daripada masalah keasingan tidak selalu disedari oleh penghidapnya sendiri: *“Dalam paparan klinikal yang sering terjadi pada masa kini, bukan hanya punca tetapi kenyataan bahawa kemurungan itu sendiri adalah tidak ketara; orang yang menghidapnya tidak sedar akan kemurungannya, tetapi ia masih boleh dibuktikan bahawa memang mereka murung. Istilah yang digunakan pada masakini ialah ‘kemurungan bertopeng’ atau ‘kemurungan di balik senyuman’ menggambarkan keadaan ini dengan jelas. Masalah diagnostik adalah lebih rumit daripada ciri-ciri dalam gambaran klinikal yang menjurus ke arah diagnosis peribadi sinting”* (Fromm 1974 hlm. 334 terj. saya).

Apabila masalah keasingan melanda jiwanya, individu tersebut akan memencilkan diri atau tersisih daripada lingkungannya, juga dari orang lain. Mereka yang mengalami simptom masalah keasingan akan menolak orang yang mereka kasihi atau masyarakat keseluruhannya. Hal ini adalah kerana mereka berasa telah kehilangan punca dalam kehidupan. Mereka menjauhkan diri daripada orang lain dan daripada diri sendiri. Masalah keasingan sedemikian mudah dikesan daripada penyisihan diri yang ketara. Namun masalah keasingan juga boleh muncul sebagai ‘kebosanan kronik’ yang tidak dapat diatasi seseorang, dan gejala ini selalunya tidak mudah dikesan: *“Kemungkinan kita menangani mereka yang menghidap kebosanan kronik, atau yang tidak mendapat rawatan yang sewajar baginya, dengan perbauran pelik di antara elemen-elemen kemurungan dengan skizofrenia dalam pelbagai tahap kemudaratan....Mereka tidak kelihatan bosan atau murung samasekali. Mereka seolah-olah boleh menyesuaikan diri dengan lingkungan dan kelihatan bahagia; sebahagian pada zahirnya diterima dengan baik oleh orang tua, guru dan golongan agama yang memuji mereka sebagai model. Manakala sebahagian pula mendapat perhatian pihak berkuasa kerana kegiatan kriminal dan dianggap sebagai antisosial atau penjenayah, walaupun tidak kelihatan bosan atau murung. Selalunya mereka cenderung membenam kesedaran bahawa mereka sebenarnya bosan; kebanyakannya mahu menampilkan diri sebagai orang yang normal di mata orang lain. Apabila mereka bertemu pakar jiwa mereka melaporkan bahawa mereka mempunyai kepayahan untuk memilih kerjaya, atau kesusahan untuk belajar, dan mereka mahu menonjolkan gambaran bahawa mereka normal. Namun pakar yang prihatin dan mahir dapat mendiagnos penyakit di balik penampilan mereka yang anggun tetapi sinis”* (Fromm, 1974 hlm. 334 terj. saya).

Apabila keasingan yang dialami individu bercambah dan menjangkiti kelompok manusia, maka terjadilah fenomena keasingan dalam masyarakat. Perkara ini hanya berlaku jika punca terjadinya masalah keasingan tersebut adalah berleluasa dan kuat mempengaruhi atau mencengkam keperibadian masyarakat. Misalnya, kemunculan revolusi perindustrian yang mempelopori produksi barangan secara massal dalam kilang-kilang, atau propaganda Nazi dalam peperangan dunia kedua yang mengabaikan pertimbangan terhadap nilai kemanusiaan hingga berlaku kekejaman dan pembunuhan beramai-ramai terhadap penganut agama Yahudi, dan terkini perihal cengkaman teknologi digital dengan telefon bimbit dan gajet yang bijak, telah meninggalkan impak yang hebat ke atas masyarakat dengan menghakis nilai kemanusiaan yang murni dan mencorak hubungan antara manusia yang palsu atau dangkal, serta mencipta kelompok manusia yang semakin terasing daripada dirinya, manusia lain dan kehidupan secara keseluruhannya.

Suatu pemerhatian yang signifikan ialah masalah keasingan dalam kedua-dua dimensi psikologi di atas bergantung kepada pandangan dunia mereka yang menghidapnya atau menelitinya. Pandangan dunia ini adalah seperti mikroskop bagi mendiagnos dan merawat kedua-dua simpton dan punca bagi masalah keasingan tersebut. Misalnya, bagi golongan mulhid (*atheist*) yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan, roh mahupun akhirat, gangguan jiwa dalam diri seseorang adalah berpunca daripada kefahaman dan penghayatan agama yang

dianggap mereka sebagai kepercayaan purba dalam sejarah manusia di dunia: “Gejala-gejala agama hanya dapat dimengerti berdasarkan model atau tanda-tanda neurotik dalam diri seseorang yang cukup dikenali oleh kita (yang mana kita memandangkan agama) sebagai kemunculan semula peristiwa-peristiwa penting yang telah dilupakan dalam sejarah manusia purba” (Freud 1973 terj. saya). Seterusnya beliau menjelaskan: “Mungkin kita dapat melihat neurosis obsesi sebagai penyakit yang bersamaan dengan pertimbangan dalam pembentukan agama, untuk menjelaskan bahawa neurosis adalah sistem agama peribadi, dan agama itu sendiri adalah penyakit neurosis obsesi sejagat” (Freud 1950 terj. saya).

Sehubungan itu, golongan ahli psikologi behaviorisme pula hanya memandangkan masalah keasingan atau neurosis dari sudut gejala atau simptom yang zahir, dan didiagnosis secara klinikal. Dalam hal ini jika seseorang tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit yang zahir, maka dia dianggap sihat. Kenormalan atau ketidaknormalan seseorang bergantung kepada penilaian statistik yang terkumpul daripada rangkaian diagnosis dan rawatan ke atas pesakit lain. Jika seseorang tergelincir daripada julat pertengahan graf yang berbentuk loceng, barulah dia dianggap tidak normal iaitu mengalami masalah keasingan. Yang jelas, psikologi behaviorisme ini tidak mengambil kira faktor spiritual sebagai salah satu daripada titik tolak diagnosis, apatah lagi bagi rawatan, kerana bagi fahaman behaviorisme, roh tidak wujud, maka tidak perlu didiagnosis atau dirawat jika tiada gejala lahiriahnya.

Natijahnya, bagi masalah keasingan yang berkaitan dengan kebosanan kronik, mahupun sakit jiwa atau neurosis, *kelonggaran* hubungan antara pesakit dengan masyarakat atau dirinya sendiri adalah ketara atau boleh dibuktikan secara diagnosis klinikal jika tersembunyi. Wujud *ketidakseimbangan* antara keadaan lahiriah, emosi dan mental seseorang yang mengalaminya. Hidupnya menyerlahkan *kecelaruan* kerana hubungan realiti dengan tanggapan mengenainya merupakan suatu *kekaburan*, malah boleh membahayakan. Keterpencilan membuat dirinya tidak berupaya mencerap dan menimbang keadaan secara menyeluruh dan saksama, dalam ertikata *reduksionisme* ialah padanan pada dirinya. Dalam hal ini, masalah keasingan dalam dimensi psikologi tidak hanya terpancar dalam keadaan nyata dan melampau iaitu timbulnya neurosis atau kesintingan. Ia juga beroperasi dalam keadaan yang dianggap normal tetapi pada hakikatnya menyembunyikan penderitaan dalaman pada minda dan jiwa seperti sikap tidak peduli, kebosanan, kemurungan atau kekecewaan yang belum sampai ke tahap gila.

Masalah Keasingan Dalam Dimensi Spiritual

Masalah keasingan berkaitan dengan dimensi spiritual wujud dalam kefahaman agama sendiri. Seorang pemikir sosiologi Weber (1958) menawarkan konsep yang mirip pada masalah keasingan. Beliau mengutarakan konsep ‘*disenchantment of the world*’ atau ‘kekecewaan terhadap dunia’. Konsep ini serupa dengan konsep ‘alienasi’ airtangan Marx dan ‘anomie’ ungkapan Durkheim dari segi ia cuba menangani cabaran yang dihadapi individu dalam masyarakat moden untuk mencari penyelesaian dan arah yang harus dituju. Namun demikian, konsep kekecewaan ini berbeza dari segi ia bersumber daripada fahaman agama dan bergantung pada rasionalisasi terhadap dunia melalui pemikiran mengenai sistem kapitalis dan birokrasi. Dengan kata lain, Weber menawarkan kritik terhadap masyarakat melalui konsep kekecewaan tersebut yang melangkaui batasan ekonomi dan pentadbiran sosial. Selain itu, Weber bertujuan membina sebuah dunia baharu yang bebas daripada segala ilusi, di mana individu merupakan agen yang aktif dan bukan sekadar objek pemikiran atau wacana. Menurut Weber sumber kekecewaan terhadap dunia berasal daripada ajaran Protestan, terutama Calvinisme, kerana beliau mempercayai terdapat hubungan erat di antara kemunculan sistem kapitalis modern dengan etika Protestan yang menganjurkan bahawa dunia ini dicipta untuk

menunjukkan keagungan Tuhan, bukan untuk kepentingan manusia. Ia melibatkan juga etika mengenai takdir yang mengajar bahawa manusia tidak tahu tentang nasibnya, iaitu sama ada dia terselamat atau pun tidak akhirnya. Konsep takdir sedemikian membuat seorang individu menjadi terasing dan sepi dan boleh menyebabkan kekecewaan dan kemurungan. Maka penganut Protestan mula mencari cara untuk mengatasi masalah keasingan tersebut dalam kehidupan. Antara lain kesedaran itu menuntut agar mereka menjadi aktif mentadbir dunia, bekerja keras dan mengumpul kekayaan. Maka bermulalah era sistem kapitalis yang dipacu ekonomi berteraskan wang.

Dalam hal ini, Naquib Al-Attas (1978) mengkritik bahawa ajuan Weber mengenai konsep 'kekecewaan terhadap dunia' yang lahir daripada acuan Agama Kristian Barat (*Western Christianity*) masih terjebak dalam fahaman sekularisme (*secularism*) yang memisahkan atau mengasingkan penghayatan agama dengan urusan keduniaan. Maksudnya, konsep 'kekecewaan terhadap dunia' Weber mengalami dua fasa keasingan. Pertama, sebagai reaksi bagi mengatasi konsep 'takdir' daripada ajaran Protestan yang meremehkan urusan keduniaan. Kedua, dari sudut bahawa ia lahir daripada fahaman sekularisme dalam Agama Kristian Barat itu sendiri, setelah keasingan pertama diatasi menerusi pembentukan sistem kapitalis yang tidak bertuhan. Dengan kata lain, masalah keasingan tetap membelenggu kehidupan mereka.

Merujuk pada tradisi Islam pula, wujud fahaman mengenai hubungan dialektika antara pengabdian agama secara transenden dengan penghayatannya secara imanen. Masalah keasingan mengenainya bergantung dari sudut mana ia dicerap dan dinilai.

Pengabdi agama secara transenden menganggap mereka yang menghayati agama secara imanen cenderung untuk menidakkan realiti dunia yang dianggap adalah sekadar fatamorgana yang tidak wujud. Penghayat agama secara imanen pula berpendirian bahawa yang wujud hanyalah Tuhan dan kita manusia adalah fana dalam zat-Nya. Maka mereka beranggapan bahawa golongan yang menganggap Tuhan sebagai Rabb, Malik dan Ilah yang transenden belum mencapai pengertian sebenar Tuhan sebagai Al-Haq yang imanen.

Berkaitan dengan perbahasan mengenai hubungan dialektika transenden-imanen ini ialah perbezaan fahaman tentang konsep realiti yang dicerap dan didakap manusia dalam hubungannya dengan alam dan Tuhan. Yang jelas, percanggahan di antara kedua-dua tanggapan agama ini telah menimbulkan banyak kekeliruan dalam kefahaman serta amalan, dan keretakan di kalangan umat Islam apabila saling menuduh bahawa lawannya khilaf, sesat atau kafir. Percanggahan ini perlu ditangani secara sensitif dan bijaksana, kerana kedua-dua pihak mendakwa secara reduksionis bahawa fahaman dan amalan mereka adalah jitu dan benar, manakala yang lain adalah palsu dan sesat. Maka muncul golongan ketiga yang tidak menafikan kedua-dua fahaman berkenaan tetapi cuba menggabungkannya demi mengatasi masalah keasingan tersebut. Misalnya, Iqbal (1982) yang mengajukan konsep 'diri yang cekap' (*efficient self*) dan 'diri yang apresiatif' (*appreciative self*) yang terperangkap dalam realiti pada dua keberadaan masa iaitu 'detik yang beruntai' (*serial time*) dan 'jangka waktu murni' (*pure duration*). Dalam 'detik yang beruntai', diri hidup dalam konsepsi masa semalam, hari ini dan esok, dan menyembah Allah sebagai Rabb, Malik dan Ilah secara transenden, manakala dalam 'jangka waktu murni' iaitu detik kini yang luas dan tidak terbatas, diri berhasrat mendekati dan menyatu dengan Allah sebagai Al-Haq secara imanen.

Satu lagi aspek masalah keasingan dalam dimensi spiritual adalah apabila Tuhan dan agama tidak dianggap sebagai matlamat utama atau keperluan dalam kehidupan. Dengan kata lain, agama tidak dilihat sebagai pandangan dunia yang menawarkan jalan keluar atau penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi individu dan masyarakat, malah

penghayatannya dianggap sebagai pelarian daripada realiti. Golongan mulhid (*atheist*) ialah mereka yang tidak percayakan kewujudan Tuhan. Golongan muhayid diniayana (*agnostik*) akur tentang adanya Tuhan tetapi menolak kekuasaan-Nya. Golongan kafir adalah mereka yang menutup diri daripada menerima kebenaran tentang Allah iaitu menolak tauhid dan mengingkari nikmat Tuhan. Golongan musyrik adalah mereka yang menyekutukan-Nya dalam ertikata menidakkan keEsaan-Nya dari segi sembah dan kekuasaan. Golongan munafik cenderung berdusta, sering mungkir janji dan mengabaikan amanah dalam kedua-dua urusan agama dan dunia. Golongan fasiq adalah mereka yang sentiasa berbuat dosa-dosa besar. Golongan zalim pula tidak menempatkan sesuatu pada tempatnya dengan adil mengikut ukuran syariat Islam dan cenderung melakukan penganiayaan terhadap diri sendiri dan orang lain. Kesan daripada masalah keasingan dalam dimensi agama ini adalah kemunculan rasa sinis, syak wasangka, tidak percaya, tidak ambil peduli, keremehan dan penolakan terhadap syiar dan institusi agama seperti majlis agama, masjid, madrasah, imam serta asatizah, dan sebagainya. Sehubungan ini, hadith riwayat Al-Baihaqi yang dinukil pada permulaan makalah ini menjelaskan fenomena ini dengan tepat, seimbang, harmoni, jelas dan menyeluruh. Hadith tersebut merujuk pada masalah keasingan yang menyebabkan kedangkalan dan *kelonggaran* dalam kefahaman agama yang tinggal simbol (*Islam tinggal nama dan al-Quran tinggal tulisan sahaja*), *ketidakseimbangan* dalam kehidupan beragama yang merangkum kedua-dua aspek keduniaan dan kerohanian (*masjid megah tetapi kosong dari petunjuk*), *kecelaruan* dalam kefahaman dan penghayatan agama akibat *kekaburan* dalam penafsiran tentang kebenaran, yang bersumber daripada pendirian *reduksionisme*, berat sebelah atau prejudis kerana mempunyai kepentingan peribadi dalam menerima atau menyampaikan ajaran agama (*ulama jelek yang menghambur fitnah dari mulut mereka*). Jelasnya, paparan situasi serta pelakunya di atas menunjukkan pelbagai manifestasi masalah keasingan daripada ajaran agama fitrah iaitu Islam. Maka perlu ada usaha untuk mengembalikan fitrah Allah kepada kehidupan.

Rumusannya, kelima-lima prinsip iaitu, *kelonggaran*, *ketidakseimbangan*, *kecelaruan*, *kekaburan* dan *reduksionisme* jelas terbayang dalam manifestasi masalah keasingan dalam dimensi spiritualiti yang dijelaskan di atas, tidak kira sama ada dari tradisi bukan Islam, atau tradisi Islam sendiri, akibat pemahaman dan penghayatan agama yang salah atau dipengaruhi pemikiran Barat terutama sekularisme. Kefahaman songsang atau terpesong tersebut dimanifestasikan dengan sikap negatif yang mengasingkan individu dan masyarakat daripada penghayatan agama serta mereka yang mendukung atau mewaliknya.

Rumusan Masalah Keasingan Dalam Pelbagai Dimensi Kehidupan

Begitulah huraian mengenai lima prinsip operasi yang dicungkil, ditapis, dimurnikan dan dihablurkan daripada manifestasi masalah keasingan dalam pelbagai dimensi kehidupan (politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritualiti) secara teori dan konsep. Berikut ialah perbincangan kontekstual dan nyata mengenai masalah keasingan yang dialami masyarakat Melayu Singapura sejak perpisahan Singapura dari Malaya pada 1965 pula. Selain memberi contoh, paparannya menawarkan bukti bahawa masalah keasingan adalah fenomena yang menimbulkan pelbagai problema dan cabaran kepada masyarakat. Namun sebelum membicarakannya dengan rinci, sedikit latarbelakang mengenai profil masyarakat Melayu Singapura perlu dijelaskan dahulu:

Analisis Sosio-Budaya Masyarakat Melayu Singapura

Perbincangan mengenai profil masyarakat Melayu Singapura berkisar pada kelompok masyarakat yang dikenali sebagai Melayu iaitu masyarakat yang menganut Islam, berbicara dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Menurut catatan sejarah, masyarakat

Melayu Singapura terdiri daripada beberapa kelompok. Salah satu kelompok dikenali dengan panggilan 'Melayu pribumi'. Kelompok ini terdiri daripada mereka yang keturunan Diraja serta pegawai istana, dan golongan Orang Laut. Jumlah mereka seramai beberapa ratus orang pada saat pendaratan Raffles di Singapura pada tahun 1819 (Turnbull 1977). Golongan ini kemudian diikuti kelompok pendatang dari Malaya dan kepulauan Riau yang memperkenalkan diri mereka sebagai Melayu. Kebanyakan 'Melayu pribumi' tinggal dan bekerja di kawasan bandar atau pekan.

Kelompok kedua terbesar masyarakat Melayu Singapura terdiri daripada orang Jawa yang tiba di Singapura dalam beberapa fasa tertentu. Mereka terdiri daripada para peniaga dan tukang yang menubuhkan sebuah pusat perniagaan yang dikenali sebagai Kampung Jawa pada pertengahan kurun kesembilan-belas. Pekerjaan yang diceburi mereka termasuk ketukangan kulit dan logam, dan mereka juga berniaga kain, kitab-kitab agama, rempah-ratus dan barangan lain.

Seperti orang Jawa, orang Bawean juga tiba di Singapura untuk mencari pekerjaan di bandar. Golongan ini datang ke Singapura pada lewat kurun kesembilan-belas hingga ke zaman Perang Dunia Kedua. Kedatangan mereka bukan didorong oleh kemiskinan hidup di desa kerana kepulauan Bawean ketika itu sangat subur dengan kawasan perkebunan dan pertanian. Mereka berpindah ke Singapura untuk mencari pendapatan bergaji (Li 1989).

Selain itu, terdapat juga catatan sejarah mengenai petempatan orang Banjar, Bugis, India dan Arab di kawasan Kampong Glam yang bersifat kosmopolitan seawal kurun kelapan-belas. Mereka juga terdiri daripada kelompok peniaga yang telah belayar ke Singapura untuk mendirikan tempat tinggal dan pusat perniagaan di sekeliling kawasan tersebut. Golongan ini kemudian telah diserap ke dalam masyarakat Melayu Singapura melalui proses pernikahan antara kelompok, kegiatan perniagaan, serta amalan nilai dan adat Melayu.

Kelompok Melayu pribumi, orang Jawa, Bawean, Bugis, Arab, Banjar dan India bersama-sama membentuk masyarakat Melayu Singapura. Mereka menghayati agama Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat serta cara kehidupan orang Melayu. Kelompok pendatang dari Semenanjung Malaya dan Indonesia yang berhijrah ke Singapura tidak menerapi dan mengamalkan budaya Melayu Singapura yang tersedia atau jelas. Sebaliknya budaya Melayu Singapura telah terbentuk perlahan-lahan daripada rencaman tradisi golongan pendatang tersebut, dan juga oleh keadaan kehidupan di Singapura ketika itu. Dalam proses penghijrahan ke Singapura, 'tradisi-tradisi khusus' yang membezakan kelompok Jawa, Bawean dan penduduk Asia Tenggara yang lain perlahan-lahan mengalami kelunturan atau perubahan, dan tradisi agung kerajaan di Jawa dan Malaya semakin pudar keterikatannya. Aspek penting dan utama yang tetap mendefinisikan kemelayuan masyarakat Singapura ialah jatidiri yang terbentuk secara langsung oleh agama Islam dan bahasa Melayu. Tradisi ini bersifat kekal dan agung dan berasaskan khazanah persuratan dan ciri perbandaran yang kemudian mencapai kemuncak perkembangannya di Singapura. Kesemua golongan yang berhijrah ke Singapura telah terdedah pada tradisi tersebut (Li 1989).

Menurut perlembagaan, masyarakat Melayu Singapura ialah 'pribumi' atau penduduk asal Singapura (Goh 1970). Mereka diberi keutamaan atau hak istimewa tertentu seperti taraf pendidikan percuma hingga ke tahap universiti. Hak istimewa itu terpelihara hingga ke tahun 1991. Pada tahun itu status pendidikan percuma yang diberikan kepada masyarakat Melayu telah dimansuhkan oleh pemerintah Singapura atas dasar meritokrasi dan keadilan sosial.

Persoalan yang ingin diutarakan sebagai perbincangan adalah sama ada kriteria dasar Melayu yang beragama Islam itu sudah cukup untuk melengkapi definisi jatidiri masyarakat

Melayu Singapura, atau kita perlu meneliti isu-isu kontekstual yang lebih menggugat sebelum dan setelah Singapura berpisah dari Malaya pada 1965. Masyarakat Melayu yang sebelumnya adalah sebahagian daripada golongan majoriti Melayu di Malaya, tiba-tiba menjadi golongan minoriti dalam negara Singapura yang baru ditubuhkan. Tumpuan diberikan kepada persoalan ‘Masalah Melayu’ yang menghantui kehidupan masyarakat Melayu di Singapura sejak zaman kemerdekaan hingga lewat tahun-tahun 90-an. Teras perbincangan ialah hipotesis bahawa jatidiri masyarakat Melayu Singapura telah berkisar pada dan dibentuk oleh ‘Masalah Melayu’ ini. Pada hakikatnya, ia adalah manifestasi masalah keasingan yang dihadapi mereka dalam pelbagai dimensi kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritual.

‘Masalah Melayu’ Sebagai Manifestasi Masalah Keasingan

Sejak mendapat kuasa di Singapura, pemerintah Partai Tindakan Rakyat, (*Peoples’ Action Party*) PAP, mengasaskan dasar untuk membentuk dan mentadbir sebuah republik yang moden, sekular, terkehadapan dari segi pencapaian teknikal, berdikari, berbilang bangsa, majmuk dari segi politik, selagi perkauman tidak diamalkan (Minchin 1986).

Kelompok minoriti masyarakat Melayu Singapura mengutarakan cabaran yang hebat kepada pemerintah Singapura. Keadaan ini berpunca daripada kenyataan bahawa dalam perkembangan sejarah Singapura, masyarakat minoriti Melayu Singapura agak terpinggir dari segi sosial, ekonomi dan perkembangan politik negara itu, dan seterusnya terjerumus ke kedudukan paling rendah. Sebagai golongan yang terkebelakang, malang dan tidak terurus dalam sebuah negara yang diwakili masyarakat majoriti Cina yang agresif dari segi ekonomi serta cergas dan pantas dalam proses pemodenan, kehadiran masyarakat Melayu mengajukan cabaran rumit yang melibatkan implikasi perkauman yang menuntut penyelesaian (Betts 1975).

Sepanjang perkembangan sejarah Singapura, keadaan yang malang ini, secara adil atau tidak, telah didefinisikan dan digelar sebagai fenomena ‘*Malay Problem*’ atau ‘Masalah Melayu’. Tiga sebab utama telah diajukan para pengamat budaya masyarakat Melayu Singapura dan sarjana untuk menjelaskan kelembapan pembangunan mereka. Secara ringkas punca-punca itu adalah:

- a) Dasar penjajahan British – Polisi ini menjurus kepada pengekalan dan kestabilan cara kehidupan masyarakat Melayu yang tradisional. Di Singapura, pemerintah British telah mengamalkan pengekangan pada penglibatan aktif masyarakat Melayu dalam pembangunan ekonomi Singapura. Pihak British memilih untuk menawarkan peranan pinggir kepada masyarakat Melayu Singapura (Betts 1975). Menurut Turnbull (1977), masyarakat Melayu adalah para penghijrah yang aman dan rajin, bekerja sebagai nelayan, pengendali perahu, pemotong dan tukang kayu. Juga polisi pendidikan British adalah untuk memastikan bahawa masyarakat Melayu tidak terdedah kepada tuntutan ekonomi bersifat kapitalis.
- b) Exploitasi pendatang kaum lain – Budaya politik-ekonomi kaum Cina dan India di Singapura amat berlainan jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu. Budaya politik-ekonomi ini dipupuk dan diperhalusi daripada pengalaman getir berabad-abad lamanya, yang memastikan penakatan dan kejayaan kepada yang paling kuat dan bersedia (Clutterback 1984). Maka kaum Cina dan India terkenal dengan kecekalan dan kesungguhan mereka dalam mengumpulkan kekayaan. Lama-kelamaan kaum Cina Singapura mencapai monopoli dalam kebanyakan aktiviti ekonomi, manakala kaum India menjadi terbilang dalam bidang kehakiman dan undang-undang serta pentadbiran negara (Sukmawati 1995).

- c) Sistem sosio-budaya Melayu – Tumpuan dan penyemaian rangkaian nilai sosio-budaya yang menitikberatkan rumah, keluarga dan masjid. Pandangan umum ialah masyarakat Melayu adalah malas dan kurang inisiatif untuk meningkatkan diri. Persaingan sihat dengan kaum lain tidak terlintas dalam fikiran masyarakat Melayu. Juga tiada keinginan untuk mengumpulkan harta dan kekayaan atau maju dalam kerjaya. Turut diperkatakan bahawa agama Islam yang dianuti masyarakat Melayu mendorong mereka untuk menerima takdir dan kehidupan yang relatif mundur. Cukuplah mereka dibalas dengan kehidupan yang lebih baik di akhirat kelak. Justeru itu masyarakat Melayu menghindari keduniaan dan hidup dengan amat sederhana (Sukmawati 1995).

Masyarakat Melayu Singapura hidup dalam negara majmuk yang berbilang kaum dan agama, serta pesat dari segi pembangunan. Dalam konteks program pembangunan negara sedemikian, 'Masalah Melayu' itu mendapat perhatian yang penting. Pemerintah Singapura menitikberatkan pembentukan identiti negara, integrasi dan pembangunan sebuah masyarakat Singapura yang cemerlang menerusi keharmonian kaum, meritokrasi dan sebuah rangkaian dasar yang khusus. Namun masyarakat Melayu Singapura kekal sebagai pewaris keadaan sosio-ekonomi yang mundur (Wan Hussin 1990). Mereka menghadapi dilema memasuki 'arus utama' pembangunan negara.

Pemerintah Singapura khususnya amat prihatin terhadap potensi bahaya memiliki satu kaum yang terkebelakang dan malang di kalangan rakyatnya. Sebagai sebuah negara yang kecil tanpa sumber alam kecuali penduduknya, pemerintah Singapura tidak mampu memiliki suatu kelompok rakyat yang tidak seiring dengan proses pembangunan dan perindustrian yang pesat. Masyarakat Melayu Singapura bukan sahaja mewakili suatu kaum yang perlu didorong untuk mengikuti arus utama pembangunan tetapi juga suatu kelas masyarakat yang perlu dikendalikan untuk menaiki tangga kemajuan dan mencapai kecemerlangan (Sukmawati 1995).

Citra suatu masyarakat yang dibebani 'Masalah Melayu' ini wujud hingga ke lewat 1990-an. Seawal zaman kemerdekaan Singapura, masyarakat Melayu Singapura telah menjadi sasaran kritikan dan sering dipertanggungjawabkan kewujudannya. Boleh dikatakan bahawa jatidiri masyarakat Melayu Singapura telah berlegar di sekitar dan dibentuk oleh fenomena 'Masalah Melayu' ini. Masyarakat Melayu Singapura digesa untuk meneliti isu-isu yang bersangkutan dengan budaya politik dan kepimpinan mereka yang telah menyebabkan kemunduran, dan mencari penyelesaian untuk meningkatkan kedudukan mereka di kalangan masyarakat lain di Singapura. Berikut ialah catatan beberapa isu utama dan penting:

Tahun –tahun 1950-an – Selain daripada kriteria minimal agama Islam, bahasa Melayu dan kesediaan melibatkan diri dalam kegiatan sosial, agama dan kejiwaan dengan penduduk Melayu yang lain, faktor penting yang mendefinisikan jatidiri Melayu dan batasan kehadiran masyarakat Melayu pada masa itu ialah perkembangan sentimen perkauman. Sentimen ini telah membezakan masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina, India dan kelompok yang bukan berasal dari Asia Tenggara.

Manakala perbezaan budaya telah wujud di antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina sepanjang zaman penjajahan, kelompok penduduk lebih cenderung untuk terus hidup dalam keadaan berasingan di sekolah, petempatan serta jenis pekerjaan. Keadaan politik dan ekonomi yang mencetuskan persaingan di antara masyarakat Melayu dengan Cina tidak muncul hingga pengunduran British pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Pada ketika itu, mula timbul keadaan di mana persoalan pembahagian kuasa di era pasca penjajahan harus

dihadapi kedua-dua masyarakat tersebut. Sentimen perkauman yang muncul ketika itu dikenali sebagai ‘Nasionalisme Melayu’, terutama pada tahun-tahun 1940-an (Tae 1973).

Tahun-tahun 1960-an – Semangat Nasionalisme dan perkauman telah membantutkan keseluruhan proses pembangunan negara pada tahun-tahun sebelum 1965 ketika Singapura masih bersama Malaya (Li 1989). Berpunca daripada dasar-dasar perkauman, percantuman kedua-dua buah negara telah diselubungi konflik politik yang bangkit dari kalangan golongan politik yang dinamik. Akibatnya, Singapura terkeluar dari Malaya pada 1965. Kejadian tersebut memuncakkan sentimen perkauman di kalangan masyarakat Melayu Singapura yang semakin sedar tentang keterpencilan mereka sebagai minoriti Melayu dalam sebuah negara yang didominasi dan dikuasai politik serta ekonomi kaum Cina. Namun begitu, suatu perkara yang agak menarik adalah ramai di kalangan masyarakat Melayu Singapura telah menolak pilihan untuk menyeberang masuk ke Malaya setelah Singapura merdeka, walaupun Perdana Menteri Malaya ketika itu, Tunku Abdul Rahman, telah menawarkan kepada mereka sebidang tanah yang besar di Malaya. Mungkin inilah manifestasi peribahasa Melayu: hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.

Pada dasarnya, isu-isu yang dihadapi masyarakat Melayu Singapura ketika itu adalah mengenai ‘periuk nasi’ dan keperluan asas seperti perumahan, pekerjaan, perubahan pada gaji dan hak pensiun. Ramai ahli masyarakat Melayu telah dipindahkan dari kampung ke estet perumahan yang modern. Pemerintah Singapura berasakan bahawa dengan menghapuskan perkelompokan etnik yang tersisih dari segi budaya seperti kawasan Melayu di Geylang Serai, masyarakat Melayu Singapura terdorong untuk berinteraksi dengan masyarakat lain di kawasan perumahan yang baharu (Beddlington 1978). Namun begitu, ramai yang kurang senang hidup di rumah pangsa yang tinggi. Mereka tidak rela memutuskan ikatan sosial semata-mata kerana berpindah ke flat.

Ramai ahli masyarakat Melayu mendapatkan pekerjaan dan gaji bertaraf rendah. Terdapat banyak rintangan seperti kekurangan persediaan, kesesuaian bahasa, atau yang bersifat agama atau sosial, sama ada yang terbit daripada luar masyarakat Melayu atau yang dicipta sendiri, yang menutup peluang pekerjaan di sektor swasta atau awam. Di antara rintangan tersebut, termasuklah kegagalan menguasai bahasa Inggeris dan kekurangan kemahiran teknikal (Athani 1970).

Akta Perancangan Keluarga Singapura, (*Singapore Family Planning Act*) digubal pemerintah Singapura pada 1966 untuk menghadkan saiz sesebuah keluarga (Chen 1979). Tujuannya adalah untuk memastikan supaya setiap warga Singapura dapat hidup dengan lebih selesa. Tambahan pula, resam hidup di rumah pangsa yang tinggi tidak bersesuaian dengan ahli keluarga yang ramai. Kempen ‘Berhenti Pada Dua’, (*‘Stop at Two’*) telah dilancarkan pada 1966.

Pada 1960, sekolah menengah Melayu yang pertama, Sekolah Menengah Tun Seri Lanang dibuka. Pada tahun seterusnya kelas-kelas pra-universiti aliran Melayu juga dibuka. Namun ahli parlimen Melayu PAP telah menggesa ibu-bapa Melayu agar menghantar anak mereka ke sekolah aliran Inggeris. Pendidikan aliran Melayu tidak lagi menjamin pekerjaan kerana kurang nilai ekonomi dalam pasaran pekerjaan (Sukmawati 1995).

Kemahiran dwibahasa atau yang lebih tepat, pengajaran bahasa kedua dijadikan suatu kemestian di sekolah rendah dan menengah pada 1966. Dasar ini telah merubah sekolah ekabahasa aliran Melayu, Mandarin dan Tamil kepada sekolah dwibahasa. Bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa pengantar pendidikan kerana dianggap Pemerintah Singapura sebagai bahasa neutral yang boleh dipelajari kesemua kelompok masyarakat. Yang lebih utama,

Inggeris ialah bahasa antarabangsa bagi perniagaan, sains dan teknologi. Maka pada lewat 1960-an, ramai ibu-bapa Melayu mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris kerana bahasa Melayu sebagai matapelajaran masih ditawarkan di sekolah sedemikian sebagai bahasa kedua. Kekhawatiran mengenai kemungkinan anak mereka akan 'dinasranikan' mula pudar daripada fikiran ibu-bapa Melayu. Lagipun lebih banyak pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka yang berbahasa Inggeris.

Pada 1968, seratus cendekiawan Melayu dan pemimpin pertubuhan Melayu telah bertemu untuk membincangkan rangkaian masalah yang dihadapi masyarakat Melayu. Majlis Pusat Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, atau singkatannya, Majlis Pusat telah ditubuhkan pada 1969. Fungsi Majlis Pusat lebih tertumpu sebagai badan yang memelihara aspek halehwal kebajikan, kebudayaan dan seni masyarakat Melayu.

Pada 1968 juga Muis, Majlis Ugama Islam Singapura dibentuk sebagai sebuah badan berkanun apabila AMLA (*Administration of Muslim Law Act*) berkuatkuasa. Muis dipimpin oleh seorang Menteri yang bertanggungjawab tentang halehwal masyarakat Islam. Ia adalah satu-satunya badan berkanun yang menguruskan halehwal agama, dengan maksud agama lain tidak mempunyai badan berkanun, walaupun bilangan mereka lebih ramai. Fungsi Muis adalah:

- a) Pentadbiran zakat, wakaf, haji, pensijilan halal dan aktiviti yang berkaitan kehidupan sosio-agama masyarakat Islam Singapura
- b) Pembinaan, pembangunan dan pentadbiran masjid-masjid
- c) Pembangunan dan pentadbiran Pendidikan Islam dan madrasah
- d) Penyebaran panduan agama kepada masyarakat

Tahun-tahun 1970-an – Jurang pendapatan di antara masyarakat Melayu dengan Cina bertambah ketara. Anak muda Melayu tidak diterima masuk ke dalam pasukan polis dan tentera yang merupakan pekerjaan tradisional bagi orang Melayu. Anak muda Melayu tidak dikerah untuk menjalani Perkhidmatan Negara yang menjadi suatu kemestian ketika itu. Namun begitu, secara rasmi mereka juga tidak dikecualikan daripada mengikuti perkhidmatan tersebut. Keadaan ini mewujudkan masalah pekerjaan bagi anak muda Melayu. Ramai majikan enggan menerima mereka bekerja kerana khatir mereka mungkin dipanggil untuk menyertai Perkhidmatan Negara pada bila-bila masa.

Rangkaian perubahan ini menimbulkan reaksi yang keras daripada masyarakat Melayu. Tuduhan amalan diskriminasi dikemukakan kepada pemimpin politik Melayu PAP, kerana ramai ahli masyarakat Melayu berasakan bahawa pelbagai perubahan ini menyebelahi masyarakat majoriti Cina (Sukmawati 1995).

Melalui proses integrasi dengan peningkatan interaksi di antara kelompok masyarakat di estet perumahan, masyarakat Melayu semakin sedar tentang keperluan berurusan dengan jiran mereka yang bukan Melayu, serta kepentingan mensejajarkan kehidupan mereka dengan kepentingan nasional. Secara kebetulan, kesedaran ini juga memuncakkan keinsafan mereka tentang nasib malang mereka. Dengan kata lain, terjadilah suatu dilema yang bersifat dialektika. Semakin dekat masyarakat Melayu mensejajarkan jatidiri mereka dengan identiti Singapura, semakin runcinglah tanggapan mereka berkenaan keterpinggiran mereka dalam arus utama ekonomi, dan sejauh mana penyisihan mereka itu membuat mereka semakin lemah dan terdedah dalam sistem dinamik pembangunan yang berasaskan meritokrasi (Betts 1975).

Pada 1970, Majlis Pusat menganjurkan sebuah seminar 'Penglibatan Melayu Dalam 25 tahun Pembangunan Nasional Singapura: Pencapaian dan Cabaran pada kurun 21'. Di seminar

tersebut fenomena ‘Masalah Melayu’ terutama dalam lapangan pekerjaan, pendidikan dan perumahan diketengahkan dan dibicarakan secara terbuka.

Tahun-tahun 1970-an juga menyaksikan kebangkitan Islam dan gerakan fundamentalis Islam di banyak negara di serata dunia. Cukuplah dinyatakan di sini bahawa sebarang usaha untuk mempromosi Islam yang telah dipolitikkan gerakan fundamentalis telah dicantas sebelum berputik oleh pemerintah Singapura yang memilih untuk memupuk beberapa aspek Islam yang dapat menyemai dan mempromosi keharmonian, toleransi, disiplin dan tanggungjawab sosial (Sukmawati 1995).

Tahun-tahun 1980-an – Banci 1980 mendedahkan pencapaian pendidikan dan kedudukan ekonomi yang menyedihkan bagi masyarakat Melayu jika dibandingkan dengan kelompok masyarakat yang lain. Ia menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mewakili kadar peratus paling tinggi dalam pendidikan di bawah tahap menengah dan kadar peratus paling rendah dalam pendidikan menengah atau tahap yang lebih tinggi. Dianggarkan 63.5 peratus pelajar Melayu Singapura tidak menamatkan pendidikan menengah, 42 peratus gagal dalam Peperiksaan Akhir Sekolah Rendah. Hanya 679 Melayu adalah siswazah universiti. Banci itu juga mendedahkan dengan jelas bahawa masyarakat Melayu mempunyai kadar paling rendah dalam pekerjaan karyawan dan teknikal. Bilangan karyawan Melayu sekadar 6.0 peratus jika dibandingkan sebanyak 12.2 peratus Cina dan 11.3 peratus India. Dalam ketegori pentadbiran dan pengurusan, bilangan Melayu hanyalah 0.7 peratus berbanding dengan 6.8 peratus Cina dan 6.4 peratus India. Sebaliknya 67.8 peratus pekerja Melayu adalah dalam sektor rendah perkilangan berbanding dengan 42.8 peratus Cina dan 47.2 peratus India. Jelasnya, masyarakat Melayu bekerja dalam sektor yang menghendaki kemahiran dan pendidikan yang lebih rendah (Sukmawati 1995).

Ahli-ahli parlimen PAP Melayu didesak untuk menghadapi realiti yang jelas dan memeranjatkan ini secara tuntas, dan digesa untuk mencari penyelesaian yang lebih bersepadu, sistematik dan berkesan untuk memperbaiki keadaan buruk yang melanda masyarakat Melayu. Penubuhan Majlis Pendidikan Anak-anak Islam, Mendaki pada Ogos 1981 adalah hasil daripada perbincangan di antara ahli parlimen Melayu dengan pemimpin masyarakat. Mendaki merupakan skim bersepadu dan menyeluruh yang bertujuan untuk membantu masyarakat Melayu Singapura mencapai kelakonan yang lebih baik dalam pendidikan, agar keadaan sosio-budaya masyarakat Melayu Singapura dapat dirubah demi mempercepatkan proses peningkatan kehidupan.

Perdana Menteri telah mengangkat status ‘Masalah Melayu’ itu dari tahap masalah etnik ke tahap nasional apabila beliau mengatakan bahawa masalah itu adalah masalah yang harus diambil berat oleh semua rakyat Singapura, bukan sahaja oleh masyarakat Melayu Singapura. Menjadi keutamaan bagi semua rakyat, agar masyarakat Melayu Singapura mempunyai pendidikan dan kelayakan yang lebih baik, supaya mereka juga dapat menyumbang kepada pembangunan negara (Sukmawati 1995).

Beberapa isu lain timbul pada lewat 1980-an yang membimbangkan masyarakat Melayu Singapura. Masalah sosial seperti penagihan dadah, kadar perceraian yang tinggi serta promosi bahasa Mandarin muncul dan menggugat masyarakat Melayu Singapura. Pemerintah Singapura cuba meredakan kebimbangan masyarakat Melayu dengan menjelaskan bahawa promosi bahasa Mandarin adalah untuk menyatukan berbagai dialek Cina di Singapura, manakala promosi nilai Konfusius adalah untuk mencegah penularan nilai Barat yang bersifat keindividuan. Namun masyarakat Melayu dan India berasakan bahawa pemerintah terlalu memberatkan kepentingan bahasa Mandarin dan nilai Konfusius tersebut. Walaupun tiada

tinjauan atau kajian yang dibuat terhadap pendirian rasmi tersebut, wujud tanggapan bahawa lebih banyak pekerjaan telah disediakan kepada mereka yang mahir bertutur dalam bahasa Mandarin (Sukmawati 1995).

Pembatasan kadar peratus penduduk sesuatu kaum di kejiranan estet perumahan HDB pada 1989, pembatasan bilangan pelajar Melayu sebanyak 20 peratus di sekolah yang asalnya mempunyai bilangan pelajar Melayu yang ramai, serta kelonggaran dasar pemerintah dalam isu penghijrahan dan penerimaan kerakyatan pendatang Cina dari Hong Kong membimbangkan masyarakat Melayu Singapura. Mereka berasakan bahawa pemerintah Singapura setakat mahu mengekalkan nisbah majoriti Cina kerana tidak seperti masyarakat Melayu yang tinggi kadar kelahirannya, masyarakat Cina tidak berupaya mengekalkan saiz penduduknya.

Tahun-tahun 1990-an – Goh Chok Tong mengambil alih kepimpinan sebagai Perdana Menteri daripada Lee Kuan Yew pada 27 November 1990. Pengurusan Singapura yang berasal daripada gabungan tiga pihak di antara kesatuan sekerja, golongan pentadbiran dan pemerintah dalam pengendalian ekonomi, kini diluaskan untuk merangkumi dimensi etnik. Aspek perkauman (*ethnicity*) telah menjadi tumpuan pada politik bersifat korporat (*corporatist politics*) di Singapura, di mana golongan elit pemerintah telah memaparkan kecenderungan untuk mengatur masyarakat Singapura berdasarkan perkauman, termasuk dalam perbincangan mengenai perkara yang bersangkutan dengan ekonomi, politik, agama atau kaum (Brown 1993). Misalnya, pada 1980-an, badan-badan bantudiri berasaskan kaum disifatkan ialah cara yang paling baik untuk meningkatkan kelokanan sesuatu kaum, termasuk masyarakat Melayu. Prinsip meritokrasi yang asal dilihat tidak berjaya membantu masyarakat Melayu. Dengan gagasan baharu ini, Mendaki telah dirombak pada 1989 dan digelar Mendaki II. Badan bantudiri ini telah dilancarkan sebagai Majlis Pembangunan Masyarakat Islam, Mendaki. Penglibatannya kini merangkum berbagai aspek kehidupan Melayu-Islam dan telah menghasilkan beberapa kejayaan.

Walaupun pencapaian pendidikan dan ekonomi masyarakat Melayu masih di bawah kadar nasional, banci 1990 menunjukkan bahawa masyarakat Melayu kini bertambah maju jika dibandingkan dengan dekad sebelumnya. Seperti yang disentuh di atas, pada mulanya model pendidikan yang berteraskan meritokrasi dan matlamat pembangunan sekular telah menimbulkan banyak masalah keasingan dalam pelbagai bidang kepada masyarakat Melayu khususnya, dari tahun-tahun 60-an hingga akhir 70-an. Namun terdapat usaha bantudiri dengan pembentukan Majlis Pusat pada 1969 serta Mendaki (Majlis Pendidikan Anak-Anak Islam) pada 1981, yang pada asalnya menawarkan pendekatan pendidikan berasaskan kesatuan antara kedua-dua aspek sekular dengan aspek agama, bagi mengatasi masalah keasingan yang dialami masyarakat Melayu sejurus setelah Singapura merdeka. Namun begitu, oleh kerana Mendaki, sebagai badan bantudiri yang didanai sebahagiannya oleh pemerintah Singapura yang sekular, matlamat tersebut dilunturkan dengan menukar namanya kepada Majlis Pembangunan Masyarakat Islam pada 1989, seiring dengan tindakan pemerintah yang tidak menawarkan program pendidikan Islam secara langsung di sekolah-sekolah pemerintah. Maka konsep pendidikan Islam yang syumul yang merangkum kedua-dua aspek kerohanian dan urusan keduniaan terbantut dan diganti dengan pendidikan sekular hingga kini. Dalam hal ini, masyarakat Islam Singapura telah mengalihkan tumpuan kepada sistem madrasah yang berada di luar naungan Kementerian Pendidikan Singapura. Sistem pembelajaran di enam madrasah sepenuh masa dirombak semula pada awal 1990-an untuk menawarkan kedua-dua subjek duniawi dan ukhrawi dari peringkat rendah ke pra-universiti bagi memenuhi matlamat pendidikan Islam. Namun terdapat cabaran dari segi beban matapelajaran yang lebih bagi pelajar, dan dukungan kewangan serta prasarana pendidikan yang tidak setimpal kerana

madrrasah bukan dalam jagaan Kementerian Pendidikan tetapi Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia.

Dari aspek sosial, walaupun kebanyakan ahli masyarakat Melayu belum mencapai kedudukan tahap paling atas, ia tidak dilihat lagi sebagai golongan yang terpinggir di Singapura. Pada tahun-tahun 1990-an masyarakat Melayu telah mengambil bahagian dalam pembangunan arus utama dan telah menyumbang kepada pembangunan negara (Sukmawati 1995).

Dari segi politik, pada 1990, masyarakat Melayu disodorkan dengan satu kepimpinan alternatif. Angkatan Karyawan Islam, AMP telah ditubuhkan oleh sekumpulan enam puluh karyawan muda Melayu yang berpendidikan tinggi yang bersifat kritis terhadap peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli parlimen PAP dalam menjaga dan mengajukan kepentingan masyarakat Melayu Singapura. Kumpulan ini mempunyai agenda, kecenderungan serta keahlian mereka tersendiri. Mereka mahu mengambil bahagian dalam proses politik di Singapura dan tidak mahu membuta-tuli mengikuti pemerintah. Tidak seperti kebanyakan ahli kelas menengah masyarakat Melayu, Kumpulan karyawan muda ini mahu menguruskan masalah etnik mereka sendiri. Mereka mempunyai ambisi tinggi untuk membentuk dan melakar arah serta wawasan masyarakat Melayu, dan mengajukan suatu kertaslakar yang menyeluruh untuk mencapai matlamat tersebut. Manifesto dalam kertaslakar itu adalah: 'Membentuk Wawasan: Kemungkinan, Cabaran dan Arah' (*Forging a Vision: Prospects, Challenges and Directions*).

Demikianlah latarbelakang ringkas masyarakat Melayu Singapura. Jelas bahawa masalah keasingan telah dialami oleh masyarakat Melayu Singapura sejak perpisahan Singapura dari Malaya pada 1965 hingga 80-an. Masalah keasingan yang dinamakan 'Masalah Melayu' itu berpunca daripada trauma perpisahan geografi serta kenegaraan yang telah menjadikan masyarakat Melayu Singapura bertukar dari status majoriti ke minoriti. Tambahan pula dasar politik, ekonomi dan pendidikan yang bertunjangkan konsep meritokrasi dan sekularisme yang diterapkan pemerintah Singapura telah menyebabkan penyisihan masyarakat Melayu dari arus utama pembangunan negara, dan berasa terasing dalam dimensi politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritualiti. Situasi ini amat ketara sejak tahun 1965 hingga awal tahun-tahun 80-an.

Kedadaan ini mendesak masyarakat Melayu mencari penyelesaian melalui pembentukan badan bantudiri seperti Muis, Majlis Pusat dan Mendaki dengan pelaksanaan beberapa program bersasar untuk menangani masalah keasingan ini. Maka perlahan-lahan namun dengan nyata, masyarakat Melayu digerakkan untuk menangani kelonggaran, ketidakseimbangan, kecelaruan, kekaburan serta reduksionisme yang melanda pelbagai dimensi kehidupan mereka pada lewat tahun-tahun 80-an dan 90-an menerusi beberapa inisiatif dan usaha yang melibatkan tolak-ansur, penyesuaian serta kerjasama antara mereka dengan pemerintah Singapura. Tidak kesemua usaha ini berjaya mengatasi problema masyarakat, namun sikap positif yang ditunjukkan pemimpin dan masyarakat Melayu adalah membanggakan demi mencapai kemaslahatan hidup bersama.

Lima Prinsip Masalah Keasingan

Berikut adalah rumusan daripada analisis bersifat induktif dan deduktif perihal rangkaian prinsip yang dicungkil daripada masalah keasingan dari segi teori dan konsep, serta daripada paparan realiti masyarakat Melayu Singapura seperti yang dibincangkan di atas:

Pertama, masalah keasingan menyebabkan keretakan dalam tanggapan dan kefahaman seseorang lalu mengakibatkan penghayatan hidupnya berada dalam *kelonggaran*, seolah-olah dipetak-petak, diracik-racik dan dipisah-pisah dalam pelbagai aspek dan bidang. Selain itu, dari sudut sosial ia menjejaskan perpaduan masyarakat apabila terjadi kelonggaran dalam hubungan antara dimensi kehidupan seperti politik, ekonomi, pendidikan, sosial, psikologi dan spiritualiti yang tidak saling membantu atau menyuburkan perkembangannya antara satu dimensi dengan yang lain. Situasi ini jelas dialami masyarakat Melayu Singapura setelah Singapura terpisah dari Malaya pada 1965. Tambahan pula, isu kesetiaan kepada negara dan antara kelompok etnik diuji pada tahap awal pembentukan negara Singapura kerana bahang rusuhan kaum pada 1964 terus membara dan meletus lagi pada 1969. Begitu juga pertukaran dari status majoriti ke status minoriti bagi masyarakat Melayu Singapura menimbulkan kebimbangan dan keresahan di kalangan masyarakat Melayu kerana hak istimewa yang pernah dinikmati mereka sebagai kelompok majoriti semasa berada bersama Malaya telah tergugat. Isu perkauman antara kelompok masyarakat tersebut menimbulkan syak wasangka dan keretakan hubungan dalam masyarakat.

Kedua, ia menyebabkan *ketidakseimbangan* dalam kehidupan serta dalam penilaian terhadap sesuatu perkara atau isu kerana ada sahaja aspek kehidupan yang tersembunyi, sengaja dibenamkan dan tidak diambil kira dalam membuat apresiasi atau pertimbangan secara saksama atau adil. Akibatnya, perkembangan politik, ekonomi, pendidikan, sosial, psikologi dan spiritualiti dalam kehidupan tidak membangun secara seimbang. Contoh yang jelas ialah masyarakat Melayu Singapura yang ketinggalan dari sudut kuasa politik, pencapaian ekonomi dan pendidikan, ketidakstabilan sosial dan tekanan psikologi dalam konsep pembangunan yang berasaskan dasar meritokrasi bagi negara yang mengamalkan ideologi sekular dan mendukung ekonomi kapitalis pada tahun-tahun 60-an hingga 80-an.

Ketiga, kesan masalah keasingan ini menimbulkan *kecelaruan* dalam kehidupan dari sudut tanggapan dan penghayatan kerana sentiasa ada golongan atau perkara yang tersisih atau dipinggirkan, dan tentunya menimbulkan ketidakseimbangan serta kegelisahan dalam masyarakat. Begitulah yang terjadi pada masyarakat Melayu Singapura yang mengalami masalah sosial seperti kadar jenayah, perceraian, penagihan dadah dan pengangguran yang tinggi pada tahun-tahun 60-an hingga lewat 80-an. Iltizam pemerintah dalam mengatasi masalah penagihan dadah di kalangan orang Melayu terserlah apabila setiausaha politik di Kementerian Dalam Negeri, encik Harun A Ghani dilantik khas untuk menanganinya pada tahun-tahun 80-an. Begitu juga, Muis telah menganjurkan skim persiapan rumahtangga bagi pasangan yang berhasrat menikah sejak tahun-tahun 70-an bagi mengurangkan kadar perceraian di kalangan pasangan Melayu yang beragama Islam. Muis juga terlibat dalam membantu keluarga yang berpendapatan rendah dengan agihan wang zakat serta menawarkan kursus-kursus yang memperkasa institusi kekeluargaan dengan kerjasama badan-badan lain.

Keempat, daripada cerapan kefahaman terhadap punca yang menyebabkan masalah keasingan tersebut, kesan yang muncul ialah *kekaburan* dan kebingungan, bukan kejelasan atau kefahaman yang jitu. Keadaan ini terjadi pada masyarakat Melayu Singapura yang bingung dalam menyesuaikan diri dengan status minoriti yang disodorkan kepada mereka. Terapan dasar meritokrasi dalam pendidikan dan pekerjaan menggugat jangkaan dan amalan lama yang terbiasa dengan layanan hak istimewa sebagai majoriti sebelumnya. Perpindahan dari kampung-kampung ke estet-estet perumahan HDB menuntut penyesuaian hidup bermasyarakat yang berbilang kaum. Tuntutan dalam pendidikan dan pekerjaan bagi menampung ekonomi kapitalis berteraskan perindustrian dan teknologi pesat menuntut penguasaan ilmu dan kemahiran baharu. Kesemua ini menimbulkan kekaburan dari segi tanggapan, jangkaan, penghayatan dan tindakan pada mulanya, namun perlahan-lahan menemukan kejelasan setelah

terbentuknya badan-badan pemerintah dan bantudiri seperti Muis, Majlis Pusat dan Mendaki untuk menerangkan, menerapkan dan melaksanakan program pendidikan, kemasyarakatan dan pembangunan dalam pelbagai dimensi kehidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Mujur dalam hal penghayatan agama, sistem pendidikan madrasah dirombak bagi memenuhi kesenjangan dalam pendidikan Islam bagi masyarakat Melayu. Usaha ini didukung oleh Dana Madrasah di bawah naungan Majlis Ugama Islam Singapura, Muis pada 1994. Inisiatif ini diterima oleh pemerintah dengan penyesuaian kepada terapan ideologi sekular yang menjadi tunjang pentadbiran pemerintah, setelah memahami keperluan masyarakat yang beragama Islam, menerusi dialog dengan pemimpin Melayu.

Kelima, dasar yang digubal atau tindakan yang diambil oleh pemerintah sebahagiannya menyerlahkan ciri *reduksionisme* yang melihat dan menilai sesuatu dari satu sudut terpencil atau berat sebelah, dan tidak secara berkait serta menyeluruh dan saksama pada mulanya. Jelasnya, sikap dan tindakan bersifat reduksionisme tidak akan membuahkan penyelesaian yang menyeluruh terhadap apa sahaja permasalahan kehidupan. Dalam konteks masyarakat Melayu Singapura, sikap reduksionisme ini diatasi dengan mengangkat 'Masalah Melayu' dari tahap masalah etnik ke tahap masalah nasional, dengan pelbagai bantuan kewangan dan infrastruktur yang dihulurkan pemerintah, hasil daripada dialog terbuka dan jujur di antara masyarakat, pemimpin Melayu dan pemerintah.

Rumusannya, setelah Singapura terpisah dari Malaya pada 1965, masyarakat Melayu terpaksa menghadapi tiga fenomena besar yang menyebabkan mereka mengalami masalah keasingan yang runcing: a) sisa kesan penjajahan dan penindasan pihak Jepun serta British yang terbawa ke dalam dasar pemerintahan negara, b) ekonomi yang dipacu perindustrian dan teknologi pesat dalam sistem kapitalis, dan c) sistem pentadbiran dan pendidikan sekular yang mengasingkan kehidupan duniawi dengan penghayatan agama mereka. Pada mulanya, terdapat juga dua dasar yang menimbulkan keresahan pada mereka iaitu dasar meritokrasi dan integrasi kaum yang diterapkan pemerintah ke atas kesemua rakyat. Dalam hal meritokrasi yang meniadakan sebahagian daripada hak istimewa sebagai pribumi Singapura, seperti pendidikan percuma, masyarakat Melayu telah perlahan-lahan menerimanya sebagai dasar yang menawarkan keadilan sosial, dan belajar membina keyakinan dan meningkatkan kelakonan mereka terutama dalam bidang pendidikan dan pekerjaan, melalui badan-badan pemerintah dan bantudiri seperti Muis, Majlis Pusat dan Mendaki. Kesan positifnya dapat dilihat sejak lewat tahun-tahun 1980-an. Mengenai dasar integrasi kaum pula, masyarakat Melayu Singapura telah meninggalkan nasionalisme sempit yang berasaskan perkauman, dan belajar menyesuaikan kepentingan dan identiti etnik agar selari, seimbang dan harmonis dengan identiti nasional melalui penghayatan konsep negara berbilang kaum dan agama.

Natijahnya, daripada perbahasan secara teori dan konsep, serta paparan terhadap keadaan sosio-budaya masyarakat Melayu Singapura di atas, terdapat lima prinsip operasi yang terpancar daripada analisis mengenai masalah keasingan yang melanda pelbagai dimensi kehidupan. Makalah ini mengajukan dan merumuskan bahawa masalah keasingan mempunyai lima prinsip khusus yang agak negatif sifatnya seperti berikut:

LIMA PRINSIP MASALAH KEASINGAN

1. Kelonggaran
2. Ketidakseimbangan
3. Kecelaruhan
4. Kekaburan
5. Reduksionisme

Rajah 1: Lima Prinsip Masalah Keasingan

Impak kelima-lima prinsip masalah keasingan pada keperibadian masyarakat adalah sangat hebat dan membekas, sama ada disedari atau terselindung. Suatu pemerhatian penting yang perlu dicatatkan di sini adalah: masalah keasingan ialah fenomena yang bercanggah dengan fitrah Allah kerana ia menimbulkan *kekacauan*, bukan *ketertiban* serta *kezaliman* dan bukan *keadilan* dalam kehidupan peribadi serta masyarakat. Seperti yang diajukan Naquib al-Attas (1977) mengenai hal yang sama, masalah keasingan yang berpunca daripada tangan-tangan manusia sebenarnya telah melanggar undang-undang Allah Subhanu wa Ta'ala dan menyebabkan terjadinya banyak kerosakan dan bala bencana di muka bumi ini sesuai dengan maksud Al-Quran, Ar-Ruum: 41 yang dinukil pada permulaan makalah ini.

Namun demikian, bagi mengarahkan kehidupan yang '*kacau*' dan '*zalim*' agar kembali kepada fitrah Allah iaitu '*tertib*' dan '*adil*', setiap prinsip yang terpancar daripada masalah keasingan tidak boleh dilihat, dianalisis dan dinilai secara berasingan daripada lawannya iaitu hasrat untuk mencapai *kepaduan*, *keseimbangan*, *keharmonian*, *kejelasan* dan *kesyumulan* dalam kehidupan. Penilaian secara dilaektika ini akan menghasilkan resolusi pada permasalahan dengan lebih menyeluruh dan tepat dari segi keperluan dan kepentingan pihak-pihak yang terlibat.

Dalam realiti masyarakat dan ranah budaya, akan terjadi proses saring-menyaring, timbang-terima, tolak-ansur, penyesuaian serta adaptasi antara dua pola tanggapan dan amalan tersebut. Demikian yang terjadi pada masyarakat Melayu Singapura sejak perpisahan dari Malaya pada 1965. Dari cengkaman masalah keasingan pada tahun-tahun 60-an hingga awal 80-an, masyarakat Melayu Singapura berusaha mengatasinya dari tahun-tahun lewat 80-an hingga kini dengan program bantudiri yang menawarkan rangkaian prinsip, konsep serta program yang lebih bertunjangkan *kepaduan*, *keseimbangan*, *keharmonian*, *kejelasan* dan *kesyumulan* dalam aspek pembangunan masyarakat dan negara. Keadaan ini tidak bermakna kesemua masalah keasingan yang terbawa sejak zaman kemerdekaan hingga kini telah berjaya diatasi. Tentunya, usaha membina dan menuntun masyarakat dengan prinsip-prinsip positif adalah proses yang berterusan yang memerlukan kecekalan dan ketekalan dalam usaha dan tindakan. Perlu ada usaha untuk mengembalikan rangkaian prinsip positif yang lebih dekat dengan fitrah Allah berasaskan tauhid yang perlu dihidupkan semula dan diremajakan bagi kemaslahatan hidup pada masakini dan masa hadapan: *Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada Agama (Allah); (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuhi (AlQuran, Ar-Ruum:30).*

Menurut Naquib al-Attas: "*Fitrah adalah Rencana yang membayangkan sifat tabii segala makhluk; dia adalah Cara Allah. Subhanahu wa Ta'ala menjadikan sesuatu, yakni: sunnat Allah; dan segala sesuatu itu dijadikan dengan dengan sifat sempurna yang menepati rencana yang telah dijadikan baginya, dan masing-masing diletakkan tepat pada tempatnya yang wajar. Fitrah itu adalah undang-undang Allah, Subhanahu wa Ta'ala: tunduk takluk*

menyerah kepadanya membawa akibat ketenteraman diri, kerana yang demikian itu bererti mengisbatkan hakikat yang sedia terkandung dalam sifat asali diri; ingkar angkuh melawannya membawa akibat kekacauan diri, kerana yang demikian itu bererti mengisbatkan yang batil yang janggal pada sifat asali diri. Maka fitrah itu ketertiban berlawanan dengan kekacauan; keadilan berlawanan dengan kezaliman. Apabila Allah Subhanahu wa Ta'ala, Berfirman: Bukankah Aku Tuhan kamu? Dan diri asali insan mengangkat saksi bagi pihaknya sendiri menjawab: "Ya!", menerima dan mengakui hakikat Ketuhanan Tuhannya Yang Hak, maka insan telah mengikat dirinya kepada suatu Perjanjian Asali dengan Tuhannya itu (Naquib Al-Attas, 1977 hlm 22).

Namun insan sering alpa terhadap Perjanjian Asali ini dan mengharung hidupnya dengan *kekacauan* (lawan ketertiban) dan *kezaliman* (lawan keadilan) iaitu melanggar fitrah Allah. Dengan kata lain, manusia sering dicengkam masalah keasingan dalam kehidupan. Kelupaan, malah pelanggaran Perjanjian Asali ini terjadi pada ranah budaya (politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi, spiritual) manusia. Maka bagaimanakah mengembalikan ingatan terhadapnya agar ranah budaya manusia kembali kepada fitrah Allah? Dalam hal ini, Al-Quran menawarkan pengertian *shibghah* Allah, iaitu celupan Allah bagi mengembalikan manusia kepada keadaan fitrah tersebut. Dalam konteks makalah ini, *shibghah* Allah digunakan sebagai kerangka konseptual dalam reviu integratif bagi proses mencungkil, menapis, memurnikan dan menghablur lima prinsip masalah keasingan agar kefahaman mengenainya lebih dekat dengan fitrah Allah: *Shibghah Allah. Dan siapakah yang lebih baik shibghahnya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nya-lah kami menyembah (Al-Quran, Al-Baqarah: 138).*

Penutup Dan Kesimpulan

Makalah ini telah membentangkan perihal masalah keasingan sebagai fenomena masyarakat yang mengakibatkan kehidupan manusia renggang daripada fitrah Allah. Menerusi reviu integratif, perbincangan mengenainya telah mencungkil, menapis, menghablur dan memurnikan lima prinsip masalah keasingan yang beroperasi dalam dimensi politik, ekonomi, sosial, pendidikan, psikologi dan spiritualiti masyarakat secara teori, dan khususnya secara kontekstual seperti yang terjadi ke atas masyarakat Melayu Singapura sejak terpisahnya negara tersebut dari Malaya pada 1965 hingga lewat tahun-tahun 1990-an.

Kefahaman mengenai masalah keasingan tersebut ialah langkah awal tetapi signifikan bagi mengatasinya dengan mengembalikan fitrah Allah ke dalam kehidupan masyarakat. Maka perbincangan di atas harus disusuli dengan kajian dan huraian mengenai penawar baginya. Sebagai pengenalan, sebuah makalah lain yang mengajukan kerangka konsep berasaskan penghayatan firasat, dengan beberapa prinsip yang wujud secara dialektika dengan prinsip masalah keasingan, akan diajukan bagi menyambut hasrat tersebut. Penghayatan firasat pernah menjadi asas dan inspirasi bagi kehidupan yang lebih padu, seimbang, harmoni, jelas dan syumul yang lebih dekat dengan fitrah Allah, bagi orang Melayu pada suatu ketika dahulu. Maka hikmah yang terkandung di dalamnya harus digali semula dan diremajakan bagi kemaslahatan kehidupan pada masa kini dan masa hadapan.

Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimah yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulung ke langit).

*Pohon itu memberi buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya.
Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat.*

Dan perumpamaan kalimat yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut dengan akar-akarnya dari permukaan bumi, tidak dapat tetap (tegak) sedikit pun.

Masalah Keasingan Dalam Masyarakat: Suatu Reviu Integratif Dalam Dimensi Politik, Ekonomi, Sosial, Pendidikan, Psikologi Dan Spiritualiti

Al-Quran, Ibrahim 24-26.

Bibliografi.

1. Athsani K dan Dzaffir R, 1970. Singapore Malays and Employment Opportunities dlm Sharon Ahmat dan James Wong (pnys). *Malay Participation in the National Development in Singapore*. Majlis Pusat.
2. Bedlington, Stanley S. 1978. *Malaysia and Singapore: The Building of New States*. Ithaca: Cornell University Press.
3. Betts, Russel Henry. 1975. *Multiracialism, Meritocracy and The Malays of Singapore*, Massachusetts Institute of Technology.
4. Brown, David. 1993. The Corporatist Management of Ethnicity in Contemporary Singapore, Bab. 2. dlm. Rodan, (pnys.). *Singapore Changes Guard*. New York: St. Martin's Press.
5. Chen S J, dan Fawcett T J. 1979. *Public Policy and Population Change in Singapore*. Bab 3. New York: The Population Council.
6. Clutterbuck, Richard. 1984. *Conflict and Violence in Singapore and Malaysia 1945*. Singapore: Graham Brash Pte Ltd.
7. Conway, M Margaret. 1989. The Political Context of Political Behaviour dlm *Journal of Politics*, Jil.51. bil.1.
8. Durkheim, Emile 1893. *The Division of Labour in Society*. London: Palgrave Macmillan.
9. Fanon, Frantz 1963, *The Wretched of the Earth*. London: Penguin
10. Friere, Paulo. 1970. *Pedagogy of the Oppressed*. New York: The Continuum
11. Freud, Sigmund. 1950. *Obsessive Actions and Religious Practices*, Collected Papers, Vol II London: Horgarth Limited.
12. Freud, Sigmund. 1973 *New Introductory Lectures in Psychoanalysis*. Pelican
13. Fromm, Erich. 1942, *The Fear of Freedom*. England: Pastoral Psychology Press.
14. Fromm, Erich. 1955, *The Sane Society*. Toronto: Clarke, Irwin & Company
15. Fromm, Erich, 1956, *The Art of Loving*. New York: Harper & Row
16. Fromm, Erich. 1994. *Escape from Freedom*. New York: Holt Paperbacks.
17. Fromm, Erich. 1977. *The Anatomy of Human Destructiveness*. New York: Penguin Books.
18. Gasset, Jose Ortega y. 1958. *Man and Crisis*. New York: W. W. Norton & Co.
19. Giddens, A. 1971. *Capitalism and Modern Social Theory: An Analysis of the writings of Marx, Durkheim and Max Weber*. London: Cambridge University Press

20. Goh, P C. 1970. *Citizenship Laws of Singapore*. Educational Publications Bureau.
21. Haryatmoko. 2003. *Etika Politik dan Kekuasaan*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
22. Heidegger, Martin. 1996. *Being and Time*. Albany: State University of New York.
23. Ismail Raji al Faruqi, 1982 *Islamisasi Pengetahuan*, Bandung: Penerbit Pustaka
24. James, William. 1961. *Varieties of Religious Experience*. New York: Macmillan Publishing
25. Jameson, Fedric. 1983. *The Political Unconscious*. London: Routledge.
26. Kavanagh, Denis. 1972. *Political Culture*. London: Macmillan.
27. Kurshid Ahmad (peny). 1980. *Studies in Islamic Economics*. Jeddah: International Centre for Research In Islamic Economics.
28. Li, Tania. 1989. *Malays in Singapore: Culture, Economy and Ideology*. Singapore: Oxford University Press.
29. Malik Badri. 2022. *Dilema Ahli Psikologi Muslim*. Kuala Lumpur: Biblio Press.
30. Manheim, Karl. 1936. *Ideology and Utopia*, San Diego: Harvest/HBJ Book.
31. Marx, Karl. 2007. *Economics and Philosophic Manuscripts of 1844: Dover Edition*
32. Maududi S. Abul A'la, 1955. *The Islamic Law and Constitution*, Lahore: Islamic Publications Ltd.
33. Minchin, J. 1986. *No Man is an Island: A Study of Singapore's Lee Kuan Yew*. Australia: Allen & Unwin Pte Ltd.
34. Muhammad Iqbal, 1982. *Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf Publishers & Book Sellers.
35. Pye, Lucian. 1962. *Politics, Personality, and Nation Building*. MIT: Yale University Press.
36. Pye, Lucian. 1971. Identity and Political Culture dlm. Lucian Pye. *Crisis and Sequences in Political Development*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
37. Richard Williams dan Colin Pritchard. 2006, *Breaking the Cycle of Educational Alienation*.
38. Sukmawati Sirat. 1995. *Trends in Malay Political Leadership*. Tesis PhD. University of South Carolina.
39. Supardi Djoko Damono. 1999. *Politik Ideologi dan Sastera Hibrida*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
40. Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1977, *Islam, Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam

41. Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia
42. Syed Muhammad Naquib al-Attas 1997, *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*, Ta'dib International
43. Tae Y Nam, 1973. *Racism and Nation Building in Malaysia and Singapore*. India: Sadha Prahashan.
44. Turnbull, C. M., 1977. *A History of Singapore 1819-1988*. Singapore: Oxford University Press.
45. Wan Hussin Zohri. 1990. *The Singapore Malays: The Dilemma of Development*. Singapore: Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura.
46. Wegner, E.L. (1975). *The Concept of Alienation: a Critique and Some Suggestions for a Context Specific Approach*. *The Pacific Sociological Review*, 18(2), 171-93
47. Weber, Max. 1958. *The Protestant Ethics and The Spirit of Capitalism*. New York: Charles Scribner's Sons.